

**LAPORAN TAHUNAN DARUL QURAN JAKIM
TAHUN 2017**

JANUARI 2017

**MAJLIS PENDAFTARAN PELAJAR BARU PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN
JAKIM-IIUM SESI 2017/2018 DAN SIJIL ASAS TAHFIZ 2017**

Seramai 122 orang pelajar baru telah diraikan dalam Majlis Pendaftaran Pelajar Baru Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM Sesi 2017/2018 dan Sijil Asas Tahfiz 2017 yang diadakan pada 5 Januari 2017 bertempat di Dewan Mukhtamar Darul Quran. Berdasarkan jumlah tersebut, 114 orang pelajar merupakan pelajar program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM, 4 orang pelajar Sijil Asas Tahfiz kategori Orang Kelainan Upaya Penglihatan dan 4 orang pelajar Sijil Asas Tahfiz kategori pelajar Luar Negara.

Sesi pendaftaran diberhentikan seketika pada kira-kira pada jam 9:00 pagi untuk acara Amanat Huffaz yang disampaikan oleh Pegawai Perubatan Kor Kesihatan Diraja Angkatan Tentera Malaysia, Kapten Dr. Ahmad Faidhi bin Mohd Zaini yang juga merupakan alumni Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM Sesi 2004/2005. Beliau telah memberikan tiga tip penting kepada pelajar-pelajar yang baru hendak mula menghafaz iaitu:

- i. Menggunakan mushaf yang besar supaya pelajar boleh memvisualkan ayat-ayat yang dihafaz dengan lebih jelas.
- ii. Memperdengarkan hafazan hanya kepada seorang guru sahaja.
- iii. Menggunakan terjemahan al-Quran untuk memahami ayat-ayat yang dihafaz.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Haji Paimuzi bin Yahya selaku Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim yang mewakili Ketua Pengarah Jakim Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Dalam ucapan perasmianya, beliau telah menyampaikan amanat kepada pelajar-pelajar baru agar belajar dengan bersungguh-sungguh hingga menjadi modal insan yang berguna kepada masyarakat dan negara kerana kerajaan telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan kepada mereka merangkumi elaun bulanan, penginapan serta pengajian. Beliau juga turut berpesan agar para pelajar baru tidak menjadikan program ini sebagai tempat transit sementara menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan kerana tidak ramai yang berpeluang untuk ditempatkan dalam program ini.

Sebelumnya, turut menyampaikan ucapan ialah Pengarah Darul Quran Dr. Haji Nordin bin Ahmad dan Dekan Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) Prof. Madya Dr. Shamsul Jamili bin Yeob merangkap Ahli Jawatankuasa Penasihat Akademik Darul Quran.

Majlis berakhir selepas bacaan ikrar dan persembahan nasyid serta acara turun temurun dalam majlis pendaftaran pelajar baru iaitu penyerahan pelajar baru oleh ibu bapa kepada Darul Quran Jakim. Sebagai suatu simbolik yang menunjukkan bahawa ibu bapa menyerahkan amanah untuk Darul Quran membimbing serta mendidik anak-anak mereka. Para pelajar baru juga turut dihadihkan dengan mushaf al-Quran dalam acara tersebut.







TRANSKEM PELAJAR PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-IIUM DAN SIJIL ASAS TAHFIZ

Seramai 122 orang pelajar Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM dan Sijil Asas Tahfiz 2017, terdiri daripada 71 orang pelajar lelaki dan 51 orang pelajar perempuan telah mengikuti program Transformasi Kecemerlangan Minda (TRANSKEM) pada 5-8 Januari 2016. Program TRANSKEM ini merupakan minggu sesi transisi pengenalan pelajar yang baru mendaftar ke Darul Quran bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM sesi 2017/2018 dan Program Sijil Asas Tahfiz Tahun 2017. Fasilitator-fasilitator dan urusetia-urusetia TRANSKEM ini terdiri daripada pegawai serta kakitangan Darul Quran Jakim.

Objektif modul dalam TRANSKEM kali ini lebih terarah kepada:

- i. Memupuk rasa cinta kepada institusi dan hormat kepada warga Darul Quran serta ukhuwah sesama pelajar;
- ii. Membina ketahanan dan kekuatan untuk menghafaz al-Quran (fizikal dan mental);
- iii. Membina sahsiah diri pelajar huffaz/hamalatul Quran yang terpilih; dan
- iv. Mengenal kekuatan dan kelemahan diri (jati diri) bagi melayakkan diri menjadi seorang huffaz yang cemerlang.

Hari pertama TRANSKEM ini telah dimulai dengan laungan Semarak Haluan TRANSKEM yang dikendalikan oleh Ustaz Ahmad Fuat bin Jamil selaku Kem Komanden. Sementara Ustaz Muhammad Zaki bin Ibrahim pula telah dilantik sebagai Ketua Fasilitator dalam menguruskan aktiviti-aktiviti berkumpulan.

Sebanyak 10 slot Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang diadakan pada sesi kali ini iaitu Taaruf, Potensi Diri Seorang Huffaz, Explorace – Mengenal Unit-Unit/Jabatan di Darul Quran, Hifz Al-Quran, Matlamat dan Hala Tuju Pengajian serta Pembentangan Kumpulan. Manakala acara kemuncak bagi program TRANSKEM iaitu Aktiviti *Outdoor* – Kembara telah diadakan pada hari terakhir bermula jam 8:00 pagi.







HALAL WALK 2017

Seramai 22 orang pelajar Semester Empat Syukbah Halal Program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran Jakim telah mengadakan lawatan ke Kilang Gardenia Bakers Maison (M) Sdn. Bhd. yang beroperasi di Seksyen 26 Shah Alam. Lawatan ini telah diadakan pada 7 Februari 2017.

Objektif lawatan ini diadakan ialah:

- i. Mengenal dengan lebih dekat sistem halal yang wujud di kilang khususnya kilang Gardenia.
- ii. Mengenal pasti kecekapan proses pembuatan dan tahap penjagaan kebersihan yang wujud di kilang.
- iii. Mengkaji peluang pekerjaan dalam bidang halal terutama dalam industri kilang.
- iv. Mengeratkan silaturahim sesama pelajar serta pensyarah
- v. Memberi pendedahan kepada pelajar tentang peri pentingnya bidang halal dalam ekonomi di Malaysia.

Para pelajar ini telah disambut dan diberi taklimat oleh Puan Fairy binti Hassan selaku juru pandu lawatan. Selesai sesi taklimat, pelajar-pelajar ini telah dibawa melawat ke bahagian produksi membuat roti gardenia. Program berakhir selepas sesi bergambar serta penyampaian cenderamata oleh pihak Darul Quran dan Gardenia.

22 orang pelajar yang menyertai lawatan ini telah diringi oleh Ustaz Mohamad Lutfi bin Jamel selaku Pensyarah Jabatan Pengajian Syariah Darul Quran merangkap Penyelaras bagi subjek halal.





WACANA ILMIAH “PERBEZAAN FIKRAH ISLAMIAH VS UKHUWAH ISLAMIAH” DAN PERASMIAN SAHABAT YADIM DARUL QURAN BERJALAN LANGSUNG DENGAN JAYANYA


Pada hari Selasa, 7 Februari 2017, Sahabat Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Darul Quran telah mencipta sejarah baru di Darul Quran apabila Kelab Persatuan Sahabat YADIM Darul Quran berjaya dirasmikan oleh Dr. Yusri bin Mohamad selaku Yang Dipertua YADIM. Perasmian ini juga turut disaksikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad, Pendaftar Darul Quran, Ustaz Haji Mohd Norizan bin Abd Ghani, KPP Hal Ehwal Pelajar, Ustaz Haji Kamarul Saman bin Yaacob dan Encik Zamani bin Mohd Karulani selaku Pengurus Eksekutif KEMUDA. Seterusnya para pensyarah Darul Quran, Majlis Pimpinan Kebangsaan Sahabat YADIM dan 500 orang pelajar Darul Quran.

Majlis ini telah dimulai dengan bacaan taranum ayat suci al-Quran oleh saudara Ahmad Luqman bin Zaini dengan membacakan Surah al-Nisa' ayat 58-59. Kemudian disusuli dengan perkongsian Dr. Yusri mengenai tajuk “Perbezaan Fikrah Islamiah vs Ukhuwah Islamiah.” Hakikat disebalik program ini adalah untuk mentakzim sunnah berjemaah dan menghayati agama ini secara kolektif. Nabi SAW mensyariatkan agar umat Islam bergerak secara berjemaah. Maka apa sahaja perkara yang menimbulkan perpecahan dan persengketaan harus dihindari. Umat Islam mesti mencari titik persamaan agar dapat kembali bersatu.

Pengarah Darul Quran turut memberikan ucapan alu-aluan sempena Majlis Perasmian Sahabat YADIM Darul Quran. Dalam ucapannya, beliau telah menyatakan rasa bangga dengan kejayaan Sekretariat Sahabat YADIM kerana telah berjaya menganjurkan Majlis Wacana Ilmiah Dan Perasmian Sahabat YADIM Darul Quran ini dengan jayanya.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan penyampaian sijil watikah kepada saudara Muhammad Al Fateh bin Mohd Subari selaku Pengerusi Sahabat YADIM Darul Quran mewakili Majlis Pimpinan Sahabat YADIM Darul Quran selepas penyampaian cenderamata dari pihak Darul Quran dan YADIM. Majlis berakhir pada pukul 1:45 tengahari dengan bacaan doa.





DARUL QURAN MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI UMP

Pada 10 Februari 2017, Darul Quran telah menerima kunjungan hormat dari Universiti Malaysia Pahang (UMP). Tujuan UMP mengadakan kunjungan hormat ini adalah untuk menjalinkan kerjasama dengan Darul Quran dalam menjalankan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran.

Delegasi UMP telah disambut oleh pegawai-pegawai Darul Quran yang diketuai oleh Pengarah, Dr. Haji Nordin bin Ahmad. Sementara delegasi pelawat telah dihadiri oleh seramai empat orang wakil UMP yang terdiri daripada Pensyarah Kanan Pusat Bahasa & Sains Kemanusiaan, Dr. Rashidi bin Abas, Pegawai Hal Ehwal Islam Pusat Islam & Pembangunan Insan, Ustaz Muhammad Sallehuddin bin Md Derus, Ustaz Muhammad Hasnur bin Abd Hamid dan Ustaz Muhammad Farid bin Mohd Idris.

Taklimat berkenaan dengan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran telah diberikan oleh Pegawai Perhubungan Awam Darul Quran, Ustaz Mohd Aishamudin bin Samsungei. Dalam taklimatnya, beliau telah menyatakan dua model pengajian yang sedang dijalankan bagi program pengajian ini iaitu Model IIUM; program Pensijilan Tahfiz dijalankan terlebih dahulu sebelum pelajar belajar dalam bidang profesional dan Model UNITEN/CUCMS/UTeM; program Pensijilan Tahfiz dijalankan serentak dengan pengajian dalam bidang profesional.

Dr. Haji Nordin juga turut menyenaraikan lima faktor kesediaan dalam pelaksanaan program iaitu:

- i. Faktor pelajar – mempunyai minat yang mendalam terhadap program, mempunyai tahap penguasaan hafazan yang baik dan gaya hidup yang baik.
- ii. Faktor pensyarah – mempunyai komitmen yang tinggi dan menguasai pelbagai kaedah haafzan. Pensyarah tasmi' juga mestilah seorang penghafaz al-Quran.
- iii. Faktor program pengajian/kurikulum – berkenaan dengan beban pembelajaran.
- iv. Faktor persekitaran – percampuran pelajar tahfiz dengan yang tidak menghafaz, prasarana atau alat bantu mengajar yang mencukupi serta pelajar tidak seharusnya dibebankan dengan beban kewangan.
- v. Faktor sokongan – komitmen berterusan di peringkat atasan, penghargaan/penglibatan pelajar, pengawalan/pemantauan dan sokongan rakan-rakan/institusi/ibu bapa.

Pertemuan ini berakhir kira-kira pada pukul 10:30 pagi selepas pertukaran cenderamata dari kedua pihak dan sesi bergambar. Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Pengarah Akademik, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz dan pegawai-pegawai dari Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz serta seorang pegawai dari Unit Kurikulum.







MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN TAHUN 2017/1438

Seramai 208 orang pelajar semester 6 program Diploma Tahfiz Al-Quran telah diraikan dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran Tahun 2017/1438 yang telah diadakan di Dewan Mukhtar pada 11 Februari 2017. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Haji Paimuzi bin Yahya yang mewakili Ketua Pengarah Jakim.

Majlis khatam ini telah dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Dhuha hingga Surah al-Nas oleh pelajar 97 orang pelajar banin dengan dipimpin oleh para pensyarah tasmii' Darul Quran iaitu Ustaz Mohd Hanafi bin Yusop, Ustaz Ahmad Dasuki bin Hashim dan Ustaz Ahmad Fuat bin Jamil.

Seterusnya majlis diteruskan lagi dengan ucapan daripada Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad dan ucapan perasmian daripada Haji Paimuzi. Beliau yang dalam ucapan perasmian telah mengucapkan syabas dan tahniah kepada Darul Quran kerana berjaya mengekalkan tradisi dengan penganjuran majlis khatam ini. Majlis yang bersejarah ini diadakan sebagai pengiktirafan Darul Quran kepada para pelajar yang telah bertungkus lumus mangkhatamkan hafazan 30 juzu'. Beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah serta menyatakan harapan kepada pelajar-pelajar yang diraikan dalam majlis ini agar menghargai kesungguhan mereka dalam menamatkan hafazan dengan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan hafazan 30 juzu' mereka.

Selain itu, beliau juga berkata, Jakim sentiasa berfikir dan merancang untuk memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar Darul Quran. Jakim juga sedar kepayahan pelajar-pelajar dalam menghafaz al-Quran. Justeru, pada tahun ini, Jakim akan memperuntukkan seramai 130 orang untuk memperolehi Skim Pembiayaan Hafiz (SPH).

Haji Paimuzi yang diiringi oleh Dr. Haji Nordin telah menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang kepada saudara Amir Hambali bin Amir Hamzah dan saudari Sumayyah binti Mohamed Reza. Sebelumnya, beliau juga turut menyampaikan Anugerah Pensyarah Tasmii' Cemerlang kepada Ustaz Mohd Hanafi bin Yusop dan Ustaz Ahmad Fuat bin Jamil serta sijil-sijil khatam kepada 208 orang pelajar.

Lebih istimewa majlis pada tahun ini ialah apabila diumumkan penganugerahan khas kepada tiga orang pelajar Darul Quran iaitu saudara Ahmad Danial bin Mohd Sani dan saudari Nur

Amirah binti Azali yang dikategorikan sebagai OKU Penglihatan serta saudara Ahmad Zahiruddin bin Zailani yang telah disahkan autisme.







KUNJUNGAN HORMAT REKTOR KITAB KE DARUL QURAN JAKIM

Rektor Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB), Prof. Madya Dr. Ismail bin Mat telah mengadakan kunjungan hormat ke Darul Quran pada 16 Februari 2017. Tujuan Prof. Madya Dr. Ismail mengadakan kunjung hormat ke Darul Quran bagi membincangkan laluan melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma dan Ijazah bagi pelajar-pelajar yang tidak mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kaedah APEL kerana kaedah ini diiktiraf oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA).

APEL dari singkatan *Accreditation Of Prior Experiential Learning* atau Akreditasi Pengalaman Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu memberi peluang kepada mereka yang mempunyai pengalaman dalam sesuatu bidang tetapi kurang kelayakan atau tiada kelayakan akademik untuk menyambung pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Secara umumnya, penilaian APEL melibatkan penilaian terhadap ilmu yang diperoleh oleh seseorang itu menerusi pendidikan formal mahupun menerusi pengalamannya terdahulu.

Justeru, kunjung hormat Prof. Madya Dr. Ismail adalah untuk membincangkan berkenaan cadangan pelaksanaan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran & Qiraat (APEL). Matlamatnya agar pelajar maahad-maahad tahfiz swasta yang tidak memiliki kelayakan SPM boleh memohon program ini seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat Diploma.

Perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad. Turut hadir dalam perbincangan ini ialah Timbalan Pengarah Akademik, Pendaftar dan pegawai-pegawai dari Cawangan Akademik serta Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz Darul Quran.





MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA UPSI DAN DARUL QURAN JAKIM

Pada 14 Februari 2017, Darul Quran telah mencatatkan satu lagi sejarah apabila berjaya memeterai perjanjian persefahaman bersama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara UPSI Dan Darul Quran Jakim telah diadakan di Dewan Seri Tanjung, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

Skop kerjasama yang dijalinakan antara kedua-dua institusi adalah melibatkan bidang-bidang berikut:

- i. Penawaran program pengajian di peringkat Ijazah Pertama bagi menyambung pengajian ke UPSI;
- ii. Pengecualian dan pemindahan jam kredit bagi pelajar Darul Quran Jakim bagi mengikuti pengajian ke Peringkat Ijazah Sarjana Muda di UPSI;
- iii. Pelaksanaan kursus dan latihan bidang pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran kepada pensyarah Darul Quran Jakim;
- iv. Pembangunan penyelidikan dan penerbitan melalui perkongsian kepakaran, maklumat dan dana penyelidikan;
- v. Program pertukaran atau pinjaman pensyarah UPSI dan Darul Quran Jakim; dan
- vi. Program yang melibatkan aktiviti antara pelajar UPSI dan Darul Quran Jakim.

Memorandum persefahaman ini telah ditandatangani oleh Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria bin Kasa dan Timbalan Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Haji Paimuzi bin Yahya bagi pihak Jakim serta Darul Quran. Sementara ianya disaksikan oleh Pendaftar UPSI, Encik Mohd Faizi bin Othman serta Pengarah Darul Quran Jakim, Dr. Haji Nordin bin Ahmad.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi UPSI, Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UPSI, Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI, pegawai-pegawai kanan Darul Quran Jakim dan UPSI serta rakan-rakan media.





LAWATAN KERJA JAIPK KE DARUL QURAN JAKIM

Dalam usaha memperkasakan pendidikan tahfiz di negeri Perak, dalam tempoh satu tahun bermula Jun 2016 hingga Jun 2017, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) sedang membuat kajian tentang segala aspek berkenaan pendidikan tahfiz di negeri Perak dari sudut prasarana, guru-guru tahfiz dan sebagainya. Justeru, pada 6 Mac 2017, delegasi JAIPK telah memilih Darul Quran untuk dijadikan sebagai tempat rujukan di samping dapat melihat ruang dan peluang yang dapat dikongsi bersama antara kedua pihak terutama dari sudut hala tuju pelajar-pelajar tahfiz negeri Perak.

Delegasi JAIPK ini telah disambut oleh pegawai-pegawai Darul Quran yang diketuai oleh Pengarah, Dr. Haji Nordin bin Ahmad. Sementara delegasi pelawat telah dihadiri seramai 16 orang wakil JAIPK yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JAIPK, Haji Mohamad Nasar bin Kurdi. Selain itu, delegasi JAIPK ini disertai oleh Penolong-Penolong Pengarah dan Penolong-Penolong Pegawai Bahagian Pendidikan JAIPK, Pengetua dan seorang guru Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan, pegawai-pegawai dari Yayasan ADDIN serta dua orang perunding.

Taklimat berkenaan program pengajian di Darul Quran telah disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam Darul Quran, Ustaz Mohd Aishamudin bin Samsungei. Dalam taklimatnya, beliau telah menyatakan program-program pengajian yang dijalankan iaitu:

- i. Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ
- ii. Diploma Tahfiz Al-Quran
- iii. Pensijilan Tahfiz Al-Quran
- iv. Sijil Asas Tahfiz
- v. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)
- vi. Sijil Tahfiz Malaysia (STM)
- vii. Sijil Tinggi Tarannum Al-Quran (STTQ)

Bersesuaian dengan program-program yang sedang dilaksanakan oleh Darul Quran sekarang, Dr. Haji Nordin juga turut menyatakan bahawa dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), Darul Quran telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi Ketua Teras 5: Program Pengiktirafan dan Pensijilan Tahfiz Negara.

Pertemuan ini berakhir kira-kira pada pukul 4:30 petang selepas sesi perbincangan, pertukaran cenderamata dari kedua pihak serta sesi bergambar. Pegawai-pegawai Darul Quran yang turut hadir dalam majlis ini ialah Pendaftar, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Ketua Penolong Pengarah Akademik, Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar dan pegawai-pegawai dari Cawangan Akademik, Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz serta Cawangan Hal Ehwal Pelajar.









KUNJUNGAN HORMAT PROF. DATO' DR. SIDEK BABA DAN DELEGASI PUSAT PENDIDIKAN ALBARAKAH KE DARUL QURAN JAKIM

Pada 14 Mac 2017, Darul Quran telah menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Institut Antarabangsa Pemikiran Dan Tamadun Islam (ISTAC) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), Prof. Dato' Dr. Sidek Baba serta delegasi Pusat Pendidikan AlBarakah yang diasaskan penubuhannya oleh penceramah terkenal, Dato' Ustaz Kazim Elias. Kunjungan hormat ini diadakan bertujuan untuk melihat ruang-ruang kerjasama antara pihak Pusat Pendidikan AlBarakah dengan Darul Quran memandangkan Pusat Pendidikan AlBarakah juga telah menubuhkan Unit Tahfiz Al-Quran semenjak tahun 2009. Sementara kehadiran bersama Prof. Dato' Dr. Sidek Baba dengan wakil Pusat Pendidikan AlBarakah sebagai pemudah cara kerana Prof. Dato' juga merupakan Ahli Lembaga Darul Quran Jakim.


Kehadiran Prof. Dato' Dr. Sidek Baba serta tiga orang delegasi dari Pusat Pendidikan AlBarakah ini telah diraikan oleh pegawai-pegawai Darul Quran yang diketuai oleh Pengarah, Dr. Haji Nordin bin Ahmad. Wakil-wakil dari Pusat Pendidikan AlBarakah terdiri daripada Timbalan Pengerusi Pusat Pendidikan AlBarakah, Haji Mior Ahmad bin Ramdzan, Mudir Unit Tahfiz Al-Quran AlBarakah, Ustaz Mohd Azhar bin Abd Latif dan Ustaz Mohamad Amin Maula bin Mohamad Azizi selaku Penolong Kanan Hal Ehwal Murid merangkap warden asrama di Unit Tahfiz Al-Quran AlBarakah.

Agenda utama kunjungan hormat ini ialah sesi taklimat dan perbincangan antara kedua belah pihak. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam Darul Quran, Ustaz Mohd Aishamudin bin Samsungei. Dalam taklimatnya, beliau telah menyatakan program-program pengajian yang dijalankan oleh Darul Quran iaitu:

- i. Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ
- ii. Diploma Tahfiz Al-Quran
- iii. Pensijilan Tahfiz Al-Quran
- iv. Sijil Asas Tahfiz
- v. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)
- vi. Sijil Tahfiz Malaysia (STM)
- vii. Sijil Tinggi Tarannum Al-Quran (STTQ)

Pertemuan ini berakhir kira-kira pada pukul 5:00 petang selepas sesi perbincangan, penyampaian cenderamata serta sesi bergambar. Pegawai-pegawai Darul Quran yang turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Pengarah Akademik, Haji Mohd Norizan bin Abd Ghani, Pendaftar, Hajah Azizah binti Che Hassan serta pegawai-pegawai dari Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz.







MESYUARAT LEMBAGA DARUL QURAN KALI KE-31 BERSIDANG DI MASJID NEGARA

Mesyuarat Lembaga Darul Quran kali ke-31 telah berlangsung pada 29 Mac 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Masjid Negara, Kuala Lumpur.


Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Beliau yang dalam ucapan aluannya mengucapkan tahniah kepada Prof. Datuk Dr. Zulkiple Abd Ghani atas Pengurniaan Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan oleh DYMM Yang diPertua Besar Negeri Sembilan pada 26 Januari 2017 dan Datuk Dr. Roslina Ahmad Mokhtar atas gelaran Datuk oleh Yang Terutama Yang diPertua Melaka pada 14 Oktober 2017.

Dalam ucapan aluan ini juga, ahli-ahli lembaga telah dimaklumkan berkenaan pertukaran beberapa orang ahli seperti Haji Paimuzi bin Yahya yang menggantikan Datuk Haji Razali bin Shahabudin selaku Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Hajah Norhayati binti Isa yang menggantikan Haji Wan Ramdzan bin Wan Mamat yang telah bersara dan Puan Puziah binti Haji Shfiee yang menggantikan Encik Imran bin Abdullah selaku ahli ganti tetap kepada Datuk Dr. Roslina Ahmad Mokhtar.

Mesyuarat yang dihadiri oleh 12 orang Ahli Lembaga Darul Quran ini telah membincangkan berkenaan tujuh kertas cadangan berkaitan Kertas Cadangan Permohonan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Bagi Menawarkan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran Jakim-Politeknik (KPTM), Kertas Cadangan Perakuan Keputusan Peperiksaan Semester Akhir Program Diploma Tahfiz al-Quran, Kertas Cadangan Perakuan Keputusan Peperiksaan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran Jakim-UNITEN, Kertas Cadangan Pengesahan Bergraduasi Semester Akhir Program Diploma Tahfiz al-Quran, Kertas Cadangan Pindaan Peraturan-Peraturan Akademik Darul Quran 2011 (Pindaan 2014), Kertas Cadangan Pengecualian Khas Kelayakan Masuk Lepas Sijil Tahfiz Al-Quran OKUMP 2016 Dan Sijil Asas Tahfiz Al-Quran Ke Program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran Jakim dan Kertas Cadangan Terma Rujukan Panel Pemilihan Calon Pengambilan Pelajar Baru Darul Quran Jakim. Selain itu, Kertas Makluman Pelaksanaan Sijil Asas Tahfiz al-Quran 2017 juga turut dibentangkan dalam mesyuarat kali ini.

Ahli-ahli Lembaga Darul Quran yang hadir dalam mesyuarat pada kali ini ialah Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Prof. Dato' Dr. Mohd Yakub@Zulkifli bin Mohd Yusoff, S.S. Datuk Dr Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Prof. Dato' Dr Sidek bin Baba, Prof. Madya Dr. Shamsul Jamili bin Yeob, Prof. Dr. Wan Kamal Mujani, Encik Masri bin Razali, Hajah Zawanah binti Muhammad, Tuan Razali bin Ariffin, En. Hassan Nudin bin A. Hamid dan Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad selaku Setiausaha.

Turut hadir dalam Mesyuarat Lembaga ini ialah Pengarah Politeknik Shah Alam Haji Tajuddin bin Abdul Rashid dan enam orang wakil dari Politeknik Shah Alam untuk membentangkan berkenaan Kertas Cadangan Permohonan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Bagi Menawarkan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran Jakim-Politeknik (KPTM).





KUNJUNGAN HORMAT LEMBAGA PEPERIKSAAN KPM KE DARUL QURAN

Pada 30 Mac 2017 (Khamis), Darul Quran telah menerima kunjungan hormat daripada Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Delegasi ini diketuai oleh En. Izehari bin Basar yang menjalankan tugas Timbalan Pengarah (Pengurusan) bersama enam orang pegawai iaitu Ketua Sektor Pengurusan Dasar & Perkembangan, Dr. Rahimah binti Adam, Ketua Sektor Pengendalian Peperiksaan Menengah Atas & Luar Negara, En. Fauzi bin Asirop, Ketua Penolong Pengarah Unit Agama, Ustaz Khalid bin Ahmad Dahlan, Penolong Pengarah Unit Agama, Ustaz Nik Adnan bin Nik Mat, Penolong Pengarah Unit PMR, Ustaz Hapizi bin Miskam dan Cik Farah Mona binti Meor Ahmad selaku Penolong Pengarah Penyelidikan & Perkembangan.

Lawatan ini diadakan bertujuan:

- i. Menjalinkan hubungan mahabbah dengan Darul Quran sebagai kunjungan balas atas lawatan Darul Quran ke Lembaga Peperiksaan pada 17 Februari 2017.
- ii. Cadangan KPM untuk mengeluarkan Sijil Khas Tahfiz kepada pelajar-pelajar sekolah SABK di bawah KPM yang mengikuti kurikulum aliran perdana dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang akan menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2018. Sijil ini sebagai satu nilai tambah kepada para pelajar untuk meneruskan pembelajaran di peringkat tinggi dalam bidang ilmu Naqli dan Aqli.
- iii. Perbincangan ini juga adalah untuk mendapatkan kerjasama agar sijil yang akan dikeluarkan ini diiktiraf.

Turut meraikan lawatan ini ialah Pengarah, Dr. Haji Nordin Bin Ahmad, Pendaftar, Hajah Azizah binti Che Hassan, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz serta pegawai-pegawai kanan Darul Quran. Pertemuan ini diakhiri dengan sesi penyampaian cenderamata dan sesi bergambar.





BENGGEL MENANDA SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN DIPLOMA

Seramai 46 orang pensyarah dari Darul Quran dan 12 orang pensyarah dari Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) telah menghadiri Bengkel Menanda Skrip Jawapan Peperiksaan Diploma Semester 2 & 4 Sesi 2016/2017 yang telah diadakan di Dewan Perpustakaan Darul Quran, Kuala Kubu Bharu.

Bengkel yang diadakan selama tiga hari ini telah bermula pada 29 Mac 2017 dan berakhir pada 31 Mac 2017. Skrip-skrip jawapan yang disemak ialah skrip jawapan bertulis pelajar-pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran Semester 2 & 4 Darul Quran dan MTQN yang telah menduduki peperiksaan bertulis secara serentak di seluruh Malaysia pada 13-17 Mac 2017.

Objektif bengkel ini diadakan ialah:

- i. Bagi memastikan penambahbaikan dan pemeliharaan taraf di dalam proses pengurusan peperiksaan di Darul Quran;
- ii. Bagi melicinkan proses menanda skrip jawapan peperiksaan supaya sentiasa mencapai kualiti dan standard yang dihasratkan; dan
- iii. Bagi mencapai salah satu piagam pelanggan Darul Quran iaitu mengumumkan keputusan peperiksaan empat minggu selepas tamat peperiksaan.

Pensyarah-pensyarah MTQN yang hadir dalam bengkel bagi sesi kali ini ialah dari MTQN Pahang, IQDAR Kedah, MTQN Perak, Institut Al-Quran Terengganu, MTQN Perlis, MTQ Masjid Saidina Ali Melaka, KITAB Pulau Pinang, MTQN Sabah dan IKMAS Sarawak.





3,323 CALON MEMOHON TEMUDUGA DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN BAGI TAHUN 2017

Darul Quran telah mengadakan sesi temuduga pengambilan pelajar baru Program Diploma Tahfiz Al-Quran bagi sesi pengajian 2017-2020 bermula pada 3-7 April 2017. Pada tahun ini, Darul Quran telah menerima sebanyak 3,323 permohonan dan dari jumlah tersebut, seramai 1,288 orang calon sahaja yang layak ditemuduga di tiga pusat temuduga di seluruh Malaysia iaitu di kampus Darul Quran Kuala Kubu Bharu, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Kuching dan di Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) Sabah, Kota Kinabalu. Dalam kalangan 1,288 orang pemohon ini, turut terdapat calon-calon dari luar negara iaitu dari Singapura, Thailand, Indonesia dan Kemboja.

Sesi temuduga di pusat temuduga Darul Quran Kuala Kubu Bharu telah berjalan pada 3-7 April 2017. Manakala sesi temuduga di pusat temuduga Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dan di Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) Sabah telah berjalan pada 3 April 2017. Sesi temuduga ini merupakan syarat yang ditetapkan bagi melayakkan para pemohon memasuki Darul Quran yang mana mereka perlu melalui ujian lisan hafazan al-Quran serta ujian bertulis Tajwid dan Bahasa Arab.

Selain itu, mereka juga dinilai dalam pelbagai aspek seperti akademik yang melibatkan kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi subjek Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Syariah Islamiyah/Pendidikan Al-Quran & Sunnah di samping sahsiah serta minat. Semua perkara ini dinilai bagi menentukan kemampuan dan kelayakan mereka menceburi bidang tahfiz.

Keputusan temuduga akan dikeluarkan pada 20 April 2017 selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pengambilan bersidang dan Majlis Pendaftaran Pelajar Baru Program Diploma Tahfiz Al-Quran dijangka akan diadakan pada 2 Mei 2017.





UJIAN PENILAIAN SEMBELIHAN SKM DAN JAMUAN UKHUWAH PERDANA

Dengan visi “melahirkan generasi al-Quran yang bertaqwa, berilmu dan bermanfaat kepada pembangunan negara dan ummah”, Darul Quran Jakim melalui Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat telah melaksanakan ujian penilaian kepada perantis Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Pengurusan Masjid bagi unit kompetensi 5 dalam tajuk “Sembelihan” pada 8 April 2017. Program ini juga merupakan agenda wajib SKM yang melibatkan 24 orang perantis, seorang *coach* dan seorang pegawai penilai. Sebanyak 11 ekor kambing telah disediakan bagi menyempurnakan tugas kompetensi “Sembelihan” ini.

Majlis bermula 8.15 pagi dengan sesi taklimat oleh *coach* yang bertugas iaitu Ustaz Muhammad Adam bin Ab Rashid kepada perantis berkaitan adab-adab sembelihan serta petua-petua yang berkaitan dengan sembelihan. Setiap seekor kambing telah diuruskan oleh dua atau tiga orang perantis dan kesemua kambing-kambing tersebut berjaya disempurnakan mengikut syariat. Ujian tersebut juga turut disaksikan sendiri oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad.

Kesemua binatang sembelihan telah dimasak oleh perantis SKM dan turut dibantu oleh kakitangan serta pelajar-pelajar Darul Quran bagi program-program pengajian yang lain. Menu yang dipilih bagi jamuan ukhuwah perdana ialah kari kambing, ayam masak merah, ikan patin asam pedas dan ikan talapia bakar yang diperolehi dari Tasik Huffaz Darul Quran.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Pendaftar Darul Quran, Hajah Azizah binti Che Hassan, Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Haji Kamarul Saman bin Yaacub serta pegawai dan kakitangan Darul Quran. Majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran ahli-ahli keluarga kakitangan Darul Quran serta tetamu jemputan.





KUNJUNGAN HORMAT MENGADAP DUTA BESAR REPUBLIK ARAB MESIR KE MALAYSIA

Darul Quran telah mengadakan kunjungan hormat mengadap TYT Duta Besar Republik Arab Mesir ke Malaysia, Salah Mohi Eldin Elwassimy di Kediaman beliau pada 13 April 2017. Salah Mohi Eldin Elwassimy merupakan lulusan dalam bidang perdagangan dari Universiti Ain Shams dan jawatan terakhir beliau adalah Timbalan Penolong Menteri di Kementerian Luar di Kaherah.

Pertemuan ini merupakan sebahagian daripada aktiviti dan program Unit Perhubungan Antarabangsa Darul Quran Jakim. Antara tujuan dan objektif pertemuan ini adalah untuk menghulurkan salam perkenalan TYT Duta Besar Mesir ke Malaysia serta memperkenalkan Darul Quran sebagai sebuah institusi tahfiz di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Di samping itu, perbincangan kerjasama dengan pihak kedutaan berkaitan permohonan Darul Quran untuk mengadakan program kerjasama dengan Universiti Al-Azhar Al-Syarif (*Twinning Programme 2+1*), memohon kuota khusus untuk lepasan pelajar Darul Quran menyambung pengajian dalam bidang Ulum Islamiyah di Universiti al-Azhar dan memohon bahan bacaan serta rujukan yang dikeluarkan oleh Darul Ifta', al-Azhar.

Jakim melalui Darul Quran juga mengambil kesempatan menjemput TYT Duta Besar Mesir untuk menghadiri Majlis Tilawah Dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa serta Majlis Konvokesyen Darul Quran yang akan pada bulan Mei dan Julai 2017.

Delegasi Darul Quran Jakim seramai sembilan orang ini telah diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) Jakim, Haji Paimuzi bin Yahya, Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz Haji Mohamad Rahim bin Mohammed Abdul Rahman, Pegawai Perhubungan Antarabangsa Ustaz Abada Tawfik al-Bahnasy dan Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Haji Kamarul Saman bin Yaacub.

Selain itu, kunjungan hormat ini turut disertai oleh Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan, Ustaz Mohd Najib bin Abdul Ghapar, Haji Mohd Husni bin Shafii selaku Penolong Pegawai Unit Perhubungan Antarabangsa serta dua orang pensyarah kontrak dari Mesir iaitu Syekh Abdel Mohaimen Sayyid Aly Abdel Maged

dan Ustaz Yaser Mohamed Abdou Mohamed El-Atabany. Kunjungan hormat ini berakhir selepas sesi bergambar dan penyampaian cenderamata antara kedua pihak.





170 ORANG CALON MENDUDUKI UJIAN STM TAHUN 2017

Seramai 170 orang calon Sijil Tahfiz Malaysia (STM) daripada 200 permohonan bagi tahun 2017 telah hadir untuk mengambil ujian tersebut pada sesi tahun ini. Ujian ini telah diadakan pada 17 April 2017 dan diadakan secara berpusat di kampus Darul Quran Kuala Kubu Bharu.

Sesi ujian STM telah dimulakan dengan ujian Hifz Al-Quran Syafawi. Setiap calon akan disoal secara lisan sebanyak 10 soalan merangkumi 30 juzu' al-Quran secara rawak. Di samping itu, ujian bertulis bagi soalan Hifz Al-Quran Tahriri serta Pengetahuan Agama Islam yang merangkumi komponen subjek Tajwid, Fiqh Ibadah dan Aqidah pula telah diadakan bermula pada jam 2:30 petang hingga 5:00 petang.

STM 2017 ini merupakan sesi ujian kali ke lapan yang diurusetikan oleh Darul Quran sejak kali pertama ianya diperkenalkan pada tahun 2011. Ia diperkenalkan adalah bertujuan untuk mengiktiraf individu-individu yang telah menghafaz 30 juzu' al-Quran serta tidak memperolehi pengiktirafan dari mana-mana institusi. Ia juga bertujuan bagi mengelakkan sesetengah individu menyalahgunakan gelaran "Al-Hafiz" pada nama mereka.

Ketika ini, STM diterima pakai sebagai salah satu "dokumen sokongan" bagi permohonan Guru Tahfiz di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) yang ditawarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).





BENGGEL PEMANTAPAN ILMU QIRAAT

Seramai 28 orang pensyarah-pensyarah Qiraat dari Darul Quran dan Maahad-Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) dari seluruh Malaysia telah berkampung di Institut Tanah & Ukur Negara (INSTUN) untuk mengikuti Bengkel Pemantapan Ilmu Qiraat. Bengkel ini merupakan anjuran Pusat Pembangunan Kompetensi & Internship Darul Quran dengan kerjasama Jabatan Pengajian Al-Quran & Qiraat Darul Quran.

Bengkel yang diadakan selama dua hari ini iaitu pada 19 & 20 April 2017 telah menggariskan tiga objektif yang hendak dicapai iaitu:

- i. Memantapkan ilmu qiraat kepada pensyarah Darul Quran dan MTQN;
- ii. Melahirkan tenaga pakar dan pelapis dalam bidang Qiraat; dan
- iii. Membolehkan antara pensyarah-pensyarah berkongsi kemahiran ilmu Qiraat antara satu sama lain.

Bengkel ini dimulakan dengan sesi ceramah yang disampaikan oleh Syeikh Abdel Mohaimen Sayyid Aly Abdel Maged, pensyarah kontrak dari Mesir yang juga merupakan pensyarah Jabatan Pengajian Al-Quran & Qiraat Darul Quran. Beliau telah mensyarahkan berkenaan perbezaan-perbezaan bacaan Imam Hafs menurut Toriq al-Syatibi dengan Toriq al-Nasyr. Bacaan Imam Hafs menurut Toriq al-Syatibi ini merupakan bacaan Qiraat umat Islam di Malaysia dan kebanyakan umat Islam di dunia.

Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad telah berkenan untuk merasmikan Majlis Penutupan Bengkel yang diadakan pada 20 April 2017 seterusnya menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta. Beliau yang dalam ucapannya telah berkata pemantapan penguasaan dalam ilmu Qiraat ini penting bagi para pensyarah atas dasar peranan Darul Quran yang menjadi semakin besar. Antaranya Darul Quran telah dilantik menjadi Ketua Teras 5 dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang berkaitan dengan program pengiktirafan serta pensijilan, membantu Lajnah Tashih Al-Quran Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan sebagainya. Majlis berakhir selepas sesi bergambar dan minum petang.





LAWATAN LITTLE CALIPH KE PUSAT ISLAM DARUL QURAN JAKIM

Warga Darul Quran diceriakan dengan kehadiran seramai 80 orang pelajar dari Tadika Khalifah Mukmin (Little Caliphs Batang Kali) pada 20 April 2017. Rombongan tersebut yang diketuai oleh Pengetua Tadika Khalifah Mukmin, Puan Fazlina binti Sazali serta 10 orang guru pengiring tiba pada jam 9:00 pagi di perkarangan Pusat Islam Darul Quran.

Penolong Pengarah Pusat Islam Darul Quran, Ustaz Muhammad Adam bin Ab Rashid telah menyambut ketibaan rombongan seterusnya dibawa melihat beberapa kemudahan yang ada di sini. Atas permintaan daripada ketua rombongan, anak-anak peserta rombongan telah mendirikan Solat Sunat Dhuha dengan dipimpin oleh Penolong Pegawai Pusat Islam, Ustaz Mohd Razlan bin Mohd Bakri. Sebelum itu, anak-anak ini telah diberikan taklimat ringkas sebelum memulakan solat sunat tersebut.

Para peserta kemudiaannya diberikan tazkirah yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Adam. Beliau mengingatkan para peserta agar mendalami ilmu agama dengan bersungguh-sungguh supaya dapat menjadi panduan dalam hidup di masa akan datang. Sebelum pulang, para peserta sempat dibawa melawat ke perpustakaan Darul Quran melihat dengan lebih dekat pameran mushaf dari pelbagai negara yang terdapat di sini. Warga Darul Quran amat berbesar hati apabila diceriakan dengan gelagat dan telatah adik-adik kecil yang bercita-cita besar untuk menjadi ulama' di masa akan datang.





LAWATAN PENANDA ARAS LEMBAGA MAKTAB MAHMUD, KEDAH

Sebagai Ketua Teras 5: Pengiktirafan dan Pensijilan dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), Darul Quran sentiasa menjadi rujukan kepada institusi-institusi tahfiz di Malaysia. Pada 20 April 2017, Darul Quran telah menerima kunjungan daripada 32 orang peserta lawatan yang terdiri daripada ahli-ahli lembaga, pengetua-pengetua, pegawai-pegawai pengurusan dan guru-guru dari Maktab Mahmud Kedah.

Objektif utama lawatan ini ialah untuk memberi pendedahan kepada pengurusan sekolah terutamanya Maahad Tahfiz Sains Darul Aman berkaitan hala tuju pelajar-pelajar tahfiz serta mendapatkan info-info yang berkaitan dengan pengurusan bidang tahfiz kepada pihak Lembaga Maktab Mahmud. Justeru, hasil daripada lawatan ke Darul Quran ini akan memberi ruang pengalaman baru kepada pihak Maktab Mahmud.

Delegasi pelawat telah diketuai oleh Encik Nasrun bin Dato' Mohd Sheriff selaku Setiausaha Lembaga Maktab Mahmud. Dalam ucapan balasnya, beliau telah menyatakan bahawa lawatan penanda aras ini diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan secara langsung dengan Darul Quran memandangkan kerjasama dengan Darul Quran yang telah diadakan sebelum ini hanya melalui surat-menyurat, telefon ataupun melalui perantaraan Institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR) Kedah. Di samping itu, beliau juga turut menyatakan ketika ini Maktab Mahmud telah mempunyai 13 cawangan di Kedah dan hasrat mereka untuk mewujudkan sekurang-kurangnya satu kelas tahfiz di seluruh cawangan tersebut. Atas tujuan dan hasrat tersebutlah maka lawatan ini diadakan.

Sebelum sesi perbincangan dua hala antara kedua pihak, para tetamu telah diberikan taklimat berkenaan dengan program-program pengajian yang sedang dijalankan di Darul Quran. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam Darul Quran, Ustaz Mohd Aishamudin bin Samsungei. Agenda majlis berakhir selepas sesi pertukaran cenderamata antara kedua institusi dan sesi bergambar sebelum delegasi pelawat berangkat pulang ke Kedah.

Antara yang terlibat dalam lawatan ini ialah Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad dan beberapa pegawai Darul Quran seperti Pendaftar Hajah Azizah binti Che Hassan, Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan, Ustaz Mohd Najib bin Abdul Ghapar, Penolong Pengarah Kanan Unit Mu'adalah & Akreditasi, Ustaz Khairul Anuar bin Mustaffa, Penolong Pegawai Unit Komunikasi Korporat

& Pengantarabangsaan, Ustaz Mohd Bakri bin Hashim dan Ustaz Muhammad Bilal bin Abu Hasan selaku wakil Unit Akademik.





LAWATAN KE KEMENTERIAN AGAMA PROVINSI KEPULAUAN RIAU

Ahli Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) Peringkat Kebangsaan telah mengadakan lawatan ke Kementerian Agama Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia pada 26 April 2017. Lawatan ini merupakan salah satu agenda yang telah dirancang sempena persidangan kali ke-33 yang diadakan di Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH).

Delegasi pengetua ini telah diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Haji Paimuzi bin Yahya, Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad dan para pengetua Maahad Tahfiz Quran Negeri. Antara tujuan lawatan ini ialah:

- i. Diskusi Hala Tuju Huffaz dan Pemeraksanaan Sistem Pendidikan Tinggi Tahfiz al-Quran bersama Kementerian Agama Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia;
- ii. Mengeratkan silaturrahim antara dua negara serumpun di samping mengkaji dan berkongsi pengetahuan sebagai elemen pengukuhan pelaksanaan sistem tahfiz al-Quran di Indonesia; dan
- iii. Meningkatkan dan menjalinkan hubungan strategik yang baik dengan Kementerian Agama, Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia.

Semasa pertemuan dengan Kementerian Agama, Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia delegasi pengetua telah diberikan taklimat oleh Kepala Kantor Wilayah Kementerian Agama Provinsi Kepulauan Riau, H. Marwin Jamal mengenai dalam bidang pendidikan tahfiz al-Quran dan dakwah di Pulau Batam. Di wilayah Batam juga terdapat 42 pondok pesantren yang terdiri dari pesantren moden dan tradisional.

Selain lawatan tersebut, delegasi pengetua turut melawat Yayasan Pusat Pembinaan dan Pengembangan al-Quran "Quran Center". Rombongan ini, telah disambut oleh H.Mahadi Rahman SQ,M.Pd.I selaku Ketua Umum "Quran Center". Semasa taklimat beliau menjelaskan idea penubuhan "Quran Center" adalah daripada para qari dan qariah dan hafizah-hafizah antaranya Drs. H. Ismeeth Abdullah. Pendidikan yang ditawarkan di "Quran Center" bermula dari peringkat rendah sehinggalah peringkat pengajian tinggi. Di samping itu, "Quran Center" mempunyai sebuah madrasah tahfiz yang terletak di Pulau Nyior. Kunjungan hormat ini berakhir selepas sesi bergambar dan penyampaian cenderamata antara kedua pihak.





PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MTQN KALI KE-33 DI MARSAH JOHOR

Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) Peringkat Kebangsaan kali ke-33 telah berjaya diadakan pada 25 April 2017 bertempat di Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH). Persidangan pada kali ini merupakan anjuran bersama antara Darul Quran Jakim dan MARSAH yang merupakan salah satu daripada 14 buah MTQN yang berkolaborasi dengan Darul Quran dalam menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran.

Objektif utama persidangan ini ialah:

- i. menyampaikan keputusan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Darul Quran dan membincangkan langkah-langkah pelaksanaan dasar-dasar tersebut;
- ii. menyelaraskan aktiviti akademik dan peperiksaan antara Darul Quran dan MTQN;
- iii. sebagai saluran rasmi untuk menyampaikan pandangan dan cadangan-cadangan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan Tahfiz al-Quran; dan
- iv. merangka aktiviti untuk merapatkan hubungan antara Darul Quran dan MTQN sama ada di peringkat pengurusan, pensyarah atau pelajar.

Persidangan ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad. Sementara Yang Berhormat Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim selaku Exco Agama Negei Johor telah berkenan menyempurnakan majlis perasmian sehari sebelum itu. Majlis perasmian ini telah diadakan di Hotel M Suites, Johor Bahru. Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Haji Paimuzi bin Yahya.

Persidangan kali ini telah membahaskan tujuh kertas cadangan dan tujuh kertas makluman melibatkan kertas-kertas berikut:

- i. Kertas Cadangan Pelaksanaan Program Sangkutan Pensyarah Dan Pertukaran Pelajar Darul Quran dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri;
- ii. Kertas Cadangan Memperkukuhkan Hafazan Dan Strategi Mempertingkatkan Hafazan Pelajar Darul Quran Dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN);
- iii. Kertas Cadangan Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Markah Berterusan Bagi Subjek Al-Quran Syafawi Dan Tahriri;
- iv. Kertas Cadangan Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Markah Berterusan Bagi Kursus-Kursus (Bukan Maddah Hafazan Al-Quran) Program Diploma Tahfiz Darul Quran Jakim;
- v. Kertas Cadangan Pelaksanaan Bakti Huffaz Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2 2017;
- vi. Kertas Cadangan Pelaksanaan Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan Kali Ke-6 2017;

- vii. Kertas Cadangan Penubuhan Kelab Sahabat YADIM;
- viii. Kertas Makluman Laporan Keputusan Peperiksaan Diploma Semester 4 Dan 6 Darul Quran Jakim Bagi Sesi Februari Tahun 2017;
- ix. Kertas Makluman Keputusan Mesyuarat Lembaga Darul Quran Jakim Kali Ke-31;
- x. Kertas Makluman Resolusi Simposium Tahfiz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Sempena Sambutan Jubli Emas Darul Quran Jakim;
- xi. Kertas Makluman Dasar Pendidikan Tahfiz Negara: Peranan dan Tanggungjawab Darul Quran Jakim;
- xii. Kertas Makluman Pelaksanaan Kursus Pembelajaran Dan Pengajaran Pensyarah Darul Quran Dan MTQN Dengan Kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris;
- xiii. Kertas Makluman Laporan Penaziran Akademik Siri 1 2017; dan
- xiv. Kertas Makluman Pelaksanaan MQA di Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri.









MEI 2017

**MAJLIS PENDAFTARAN PELAJAR BARU PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN
DARUL QURAN JAKIM SESI PENGAJIAN 2017-2020**

Seramai 250 orang pelajar baru telah diraikan dalam Majlis Pendaftaran Pelajar Baru Program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran Jakim Sesi Pengajian 2017-2020 yang diadakan pada 2 Mei 2017 bertempat di Dewan Mukhtamar Darul Quran. Majlis ini telah dirasmikan oleh Haji Paimuzi bin Yahya selaku Pengerusi Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang mewakili Ketua Pengarah Jakim, Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha.

Dalam ucapan perasmianya, beliau telah menasihatkan kepada pelajar-pelajar baru agar menterjemahkan rasa syukur atas pemilihan ini dengan keazaman untuk belajar bersungguh-sungguh hingga menjadi generasi al-Quran yang bertaqwa, berilmu serta bermanfaat kepada pembangunan Negara dan Ummah. Di samping itu, beliau juga telah mengingatkan kepada pelajar-pelajar berkenaan nasihat Imam Syafie tentang enam perkara yang perlu ada pada penuntut ilmu iaitu kecerdasan, semangat, bersungguh-sungguh, mempunyai sumber kewangan yang mencukupi, petunjuk guru yang mursyid dan memerlukan tempoh masa yang panjang.

Majlis berakhir selepas bacaan ikrar oleh pelajar baru dan acara turun temurun dalam majlis pendaftaran iaitu sesi penyerahan pelajar baru oleh ibu bapa kepada Darul Quran Jakim. Sebagai suatu simbolik yang menunjukkan bahawa ibu bapa menyerahkan amanah untuk Darul Quran membimbing serta mendidik anak-anak mereka. Para pelajar baru juga turut dihadiahkan dengan mushaf al-Quran yang ditaja oleh Yayasan Muslimin Malaysia Berhad dalam acara tersebut.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Pengerusi Amanah Yayasan Muslimin Malaysia Berhad, Ustaz Md Zaki bin Ab Manan dan ahli-ahli lembaga Amanah Yayasan Muslimin Malaysia Berhad.





LAWATAN SAMBIL BELAJAR: PROGRAM PEMANTAPAN KAEDAH PEDAGOGI AL-QURAN GURU TA'LIM DAERAH PENDANG 2017

Buat julung kalinya, Darul Quran Jakim telah berjaya mengurusatiakan program berbentuk latihan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran kepada Guru-Guru Ta'lim Daerah Pendang. Program yang diadakan pada 3 Mei 2017 ini merupakan hasil kerjasama antara Pejabat Pendidikan Daerah Pendang dengan Darul Quran Jakim.

Idea untuk mengadakan Lawatan Sambil Belajar: Program Pemantapan Kaedah Pedagogi Al-Quran Guru Ta'lim Daerah Pendang 2017 ini terhasil atas inisiatif untuk memberi pendedahan berkenaan kaedah pedagogi al-Quran kepada guru-guru yang terlibat dalam mengajar murid-murid Program Ta'lim. Program Ta'lim ini merupakan suatu program yang diadakan oleh Yayasan Pendidikan Negeri Kedah dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Pendang. Program Ta'lim ini telah dilaksanakan sejak tahun 2015 dan melibatkan seramai 500 orang murid Tahun Satu dari 33 buah sekolah kebangsaan di Daerah Pendang.

Objektif program ini ialah:

- i. Melahirkan guru-guru Program Ta'lim yang dapat mendalami ilmu-ilmu berkenaan al-Quran khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran;
- ii. Meningkatkan kemahiran guru-guru Program Ta'lim dari segi teknik dan strategi pengajaran yang sesuai dengan masa kini;
- iii. Memberi kemahiran yang tinggi kepada guru-guru Program Ta'lim berkenaan kaedah-kaedah hafazan yang terbaik yang dapat meningkatkan pencapaian hafazan murid dengan pantas dan berkesan; dan
- iv. Membudayakan amalan pendidikan berterusan kepada guru-guru Program Ta'lim dalam menguasai dan meneroka ilmu-ilmu serta kemahiran baru berasaskan teknologi yang terkini dalam bidang al-Quran.

Penceramah yang terlibat dalam program ini terdiri daripada pensyarah-pensyarah Darul Quran Jakim iaitu Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Tahfiz al-Quran, Ustaz Ab Malek bin Ab Manaf yang membentangkan tajuk "*Mutiara al-Fatihah*", Pensyarah Jabatan Pengajian Tahfiz al-Quran, Ustaz Muhammad Zaki bin Rahman yang membentangkan tajuk "*Kaedah Hafazan Berkesan*", Ustaz Shahrulkarnain bin Mohamad Nazir yang membentangkan tajuk "*Pendidikan Tahfiz Kanan-Kanak*" dan Syeikh Abdel Mohaimen Sayed Aly Abdel Maged selaku Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian al-Quran & Qiraat yang membentangkan tajuk "*Pengalaman Menghafaz al-Quran: Kehidupan Penghafaz al-Quran Dan Masa Depan Penghafaz al-Quran*".

Program yang bermula pada jam 2:30 petang ini berakhir selepas Majlis Penutup & Penyampaian Sijil yang telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad. Rombongan peserta program ini turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Pendang Unit Pendidikan Islam & J-Qaf, Ustaz Sufiyuddin bin Ahmad merangkap ketua rombongan, Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Pendang Unit Bimbingan & Kaunseling, Encik Jasni bin Sumadi, Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Pendidikan Pendang, Encik Mohd Hamdi bin Che Me dan Ustaz Zulkifli bin Hassan selaku Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pendang Dua merangkap Ketua Jurulatih Ta'lim.







KURSUS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HIFZ AL-QURAN

Unit Kompetensi & Internship Darul Quran Jakim dengan kerjasama Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) telah menganjurkan Kursus Pengajaran Dan Pembelajaran Hifz al-Quran pada 3 hingga 4 Mei 2017. Antara tujuan penganjuran kursus ini ialah untuk menambahbaik mutu penyampaian pengajaran dan pembelajaran para pensyarah serta mendedahkan metod-metod hafazan al-Quran yang berkesan kepada mereka.

Seramai 32 orang pensyarah tahfiz dari Darul Quran serta Maahad-Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) seluruh Malaysia telah menyertai kursus ini. Sementara penceramah jemputan bagi kursus ini ialah Dr. Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah al-Hafiz dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) dan Dr. Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim al-Hafiz dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Kursus yang dianjurkan secara tahunan ini turut mendedahkan berkenaan alat bantu mengajar (ABM) yang dapat membantu para pensyarah di dalam kelas hafazan. Para pensyarah turut berkongsi pengalaman semasa sesi perbincangan dengan penceramah kursus. Para peserta amat teruja apabila dapat menggunakan aplikasi 'Plikers' dan 'Quizizz' yang memudahkan sesi penilaian pelajar.

Rata-rata peserta menyatakan rasa berpuas hati apabila ditanya tentang penganjuran kursus ini kerana banyak kaedah serta teknik hafazan baru yang dapat dipelajari dan dikongsi bersama dengan peserta yang lain.





TRANSKEM PELAJAR PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN SESI PENGAJIAN 2017-2020

Darul Quran telah melaksanakan Program Transformasi Kecemerlangan Minda (TRANSKEM) pada 2 hingga 6 Mei 2017 kepada pelajar-pelajar baru Program Diploma Sesi Pengajian 2017-2020 melibatkan 120 orang banin dan 115 orang banat. Program yang bertemakan “*Generasi Huffaz Kualiti Ummah*” bertujuan untuk membentuk jati diri yang kental serta memiliki sahsiah, berkemahiran dan berpengetahuan sebagai seorang pelajar tahfiz al-Quran.

Antara objektif Program TRANSKEM ini adalah untuk memupuk perasaan sayang kepada institusi Darul Quran, memupuk ukhuwah dalam kalangan pelajar dengan warga Darul Quran, membina ketahanan dalam menghafaz ayat-ayat al-Quran, membentuk sahsiah diri huffaz sebagai hamalatul Quran serta mengenali kekuatan dan kelemahan diri bagi melayakkan diri menjadi seorang huffaz yang cemerlang.

Semarak TRANSKEM telah diketuai oleh Kem Komandan Ustaz Ahmad Fuad bin Jamil yang membawa pengenalan keseluruhan jadual program, Lagu DQ, Lagu Tema TRANSKEM dan Peraturan-Peraturan kepada peserta sepanjang enam hari program dijalankan. Manakala slot Aktiviti Dalam Kumpulan (LDK) pula diketuai oleh Ustaz Muhammad Zaki bin Ibrahim selaku Ketua Fasilitator yang berperanan sebagai penggerak utama slot LDK. Seramai 38 orang urusetia dan fasilitator telah memberikan komitmen dalam menjayakan program tersebut.

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan dalam TRANSKEM ini ialah slot Potensi Huffaz, slot Eksplorace, slot Pengurusan Masa, slot Pembentangan Kumpulan dan Aktiviti Kembara Huffaz. Aktiviti Kembara ini merupakan slot terakhir yang berpandukan kepada konsep dan falsafah perjuangan dalam mengharungi kepayahan, cabaran, kemampuan memimpin, memahami arahan serta pengurusan waktu. Ianya amat bermanfaat kepada peserta dalam mendepani cabaran hidup seharian sebagai bakal hafiz al-Quran di bumi barakah Darul Quran.

Kesimpulannya, program TRANSKEM ini merujuk kepada model *Attitude* (Sikap), *Skill* (Kemahiran), *Knowledge* (Pengetahuan) dan *Spiritual* (Kerohanian) sebagai sandaran kepada slot yang dipilih. Impak kepada program ini supaya peserta dapat membentuk dan membina jati diri sebagai Hamalatul Quran sejajar dengan visi Darul Quran; “*melahirkan*

generasi Al-Quran yang bertaqwa, berilmu dan bermanfaat kepada pembangunan Negara dan Ummah”.





**MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN PELAJAR PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ
2017/1438**

Seramai 122 orang pelajar semester akhir program Pensijilan Tahfiz Al-Quran telah diraikan dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran yang telah diadakan di Dewan Mukhtar. Dari 122 orang tersebut, 86 orang pelajar merupakan pelajar Pensijilan Tahfiz Jakim-IIUM dan 36 orang pelajar merupakan pelajar Program Pensijilan Tahfiz Jakim-UNITEN. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar yang mewakili Ketua Pengarah Jakim, Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha.

Majlis telah dimulakan dengan perarakan pelajar bersama Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim serta dif-dif jemputan lain yang berarak dari lobi pentadbiran ke Dewan Mukhtar. Majlis juga turut diserikan lagi dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Dhuha hingga Surah al-Nas oleh pelajar 68 orang pelajar banin dengan dipimpin oleh Imam Muda Megat Mohd Zaid bin Megat Azmuddin, Ustaz Muhammad Nazim bin Siham dan Ustaz Ahmad Aizuddin bin Mohd Kamal.

Datuk Haji Zainal Abidin yang diiringi oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad telah berkenan menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang kepada saudara Muzammil bin Mohd Zuki dan saudari Fathiah Binti Ahmad Fuad. Beliau juga turut menyampaikan Anugerah Pensyarah Tasmi' Cemerlang kepada Imam Muda Megat Mohd Zaid bin Megat Azmuddin dan Ustazah Nabilah binti Arshad serta sijil khatam kepada 122 orang pelajar.

Turut hadir meraikan majlis ialah Dekan Kolej Pengajian Asasi dan Diploma IIUM, Prof. Madya Dr. Shamsul Jamili bin Yeop, Dekan Kolej Pengajian Asas dan Diploma UNITEN, Prof. Dr. Abu Bakar bin Musa, wakil-wakil pengarah Bahagian Jakim, pengetua-pengetua sekolah sekitar Hulu Selangor, ibu bapa, para pensyarah serta pegawai dan kakitangan Darul Quran Jakim.







MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JAKIM DENGAN IIUM DAN UTeM

Bagi kelangsungan pemeraksanaan program menghuffazkan golongan profesional, Darul Quran telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Dengan International Islamic University Malaysia (IIUM) Dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Majlis ini telah diadakan pada 23 Mei 2017 bertempat di Dewan Aras 2, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya (KIP).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, telah berkenan memberikan ucapan perasmian seterusnya menyempurnakan majlis tersebut. Beliau yang dalam ucapannya telah menyatakan hasrat kerajaan untuk melahirkan 125,000 penghafaz al-Quran yang menguasai pelbagai disiplin ilmu dan bidang profesional seperti kedoktoran, kejuruteraan, perakaunan, perbankan, arkitek, pentadbir kerajaan dan lain-lain menjelang tahun 2050.

Bagi kerjasama antara Darul Quran dengan IIUM, dokumen memorandum persefahaman telah ditandatangani oleh Dekan Pusat Asasi IIUM, Prof. Madya. Dr. Shamsul Jamili bin Yeob dengan disaksikan oleh Rektor IIUM, Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha binti Kamaruddin. Bagi kerjasama antara Darul Quran dengan UteM pula, dokumen memorandum persefahaman

telah ditandatangani oleh Dekan UteM dengan disaksikan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib. Di pihak Jakim pula, kedua-dua dokumen memorandum persefahaman telah ditandatangani oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad dengan disaksikan oleh Ketua Pengarah Jakim, Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Rektor Perancangan & Akademik IIUM, Profesor Dr. Isarji bin Haji Sarudin, Pengarah Institut Antarabangsa Pemikiran Dan Tamadun Islam (ISTAC) IIUM, Prof. Dato' Dr. Sidek bin Baba merangkap Ahli Lembaga Darul Quran, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar, pegawai-pegawai Darul Quran, IIUM dan UTeM serta rakan-rakan media.









LAWATAN MAHABBAH JABATAN PENGAJIAN DAKWAH & KEPIMPINAN UKM KE DARUL QURAN JAKIM

Pada 25 Mei 2017, Darul Quran telah menerima kunjungan dari Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Delegasi UKM ini telah disertai oleh empat orang pensyarah dan 10 orang pelajar yang antaranya merupakan graduan Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran.

Objektif utama kunjungan ini diadakan bertujuan mempromosikan Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan kepada pelajar-pelajar Program Diploma Syukbah Dakwah Darul Quran memandangkan kebiasaannya graduan Diploma Darul Quran akan memilih untuk menyambung pengajian ke Jabatan Pengajian Al-Quran & Sunnah UKM. Sedangkan graduan Diploma Darul Quran juga diterima di Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan serta jabatan-jabatan pengajian lain.

Delegasi pelawat telah diketuai oleh Ketua Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Dr. Rosmawati binti Mohamad Rasit. Diikuti oleh Timbalan Dekan Penyelidikan & Inovasi, Prof. Madya Dr. Salasiah Hanin Hamjah serta dua orang pensyarah kanan, Dr. Zulkefli Aini dan Dr. Ahmad Irdha Mokhtar. Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad telah berkenan mempengerusikan pertemuan antara kedua pihak.

Antara agenda lain yang dibincangkan dalam pertemuan kedua pihak ini ialah berkenaan pemindahan jam kredit graduan Darul Quran dan kerjasama dalam penerbitan jurnal. Sementara bagi pelajar-pelajar Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan UKM pula telah diadakan sesi pertemuan bersama pelajar-pelajar tahun dua dan tiga Program Diploma Syukbah Dakwah Darul Quran supaya pelajar-pelajar Darul Quran mendapat gambaran berkenaan pengajian Dakwah di UKM.







KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI BATAM KE DARUL QURAN

Pada 26 April 2017, ahli Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-33 yang bersidang di Kolej Pengajian Islam (MARSAH) Johor telah mengadakan lawatan ke Kementerian Agama Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia. Dalam lawatan tersebut, ketua rombongan yang merupakan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Haji Paimuzi bin Yahya telah menjemput pihak Kementerian Agama Provinsi Kepulauan Riau untuk datang ke Darul Quran sekaligus mengikuti Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ke-59 Tahun 1438H/2017M.

Justeru, sebagai kunjungan balas, delegasi dari Batam telah datang ke Darul Quran pada 19 Mei 2017. Delegasi seramai 33 orang ini telah dihadiri oleh Pengarah, Haji Mahadi Rahman, pegawai-pegawai serta pelajar-pelajar dari Pusat Pembinaan Dan Pengembangan Al-Qur'an Qur'an Centre - Kota Batam Provinsi Kepulauan Riau. Para pelawat ini telah diraikan oleh pegawai-pegawai Darul Quran yang diketuai oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad.

Dalam ucapan aluannya, Dr. Haji Nordin telah menyatakan hasrat agar hubungan yang dibina antara kedua pihak ini dapat membuka ruang kepada pelajar Darul Quran untuk

mengadakan program bersama pihak Qur'an Centre. Antara program yang dinyatakan adalah program Global Islamic Students Outreach (GISO) yang merupakan program bakti siswa bagi pelajar-pelajar Program Ijazah Sarjana Muda USIM-DQ.

Delegasi Batam ini turut diberikan taklimat berkenaan program-program pengajian yang sedang dijalankan di Darul Quran oleh Pegawai Perhubungan Awam, Ustaz Mohd Aishamudin bin Samsungei. Selepas sesi perbincangan, kedua-dua pihak turut menampilkan pelajar-pelajar dari kedua institusi untuk memperdengarkan bacaan al-Quran secara tarannum. Wakil Darul Quran ialah saudara Aiman Ridhwan bin Mohamad Ramlan, pelajar Diploma Semester Tiga sementara saudara Rifqi, Zulaiha dan Irfan Fazilah pula mewakili Qur'an Centre. Para tetamu telah bertolak ke Kuala Lumpur kira-kira jam 2:30 petang selepas makan tengah hari dan Solat Jumaat di Pusat Islam Darul Quran.







WALKABOUT TKPPI KE DARUL QURAN

Pada 9 Jun 2017, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar telah mengadakan 'tinjauan mesra' ke Darul Quran. *Walkabout* ini diadakan memandangkan Darul Quran merupakan salah satu Bahagian Jakim yang berada di bawah sektor Pembangunan Insan Jakim di samping ini merupakan *walkabout* Datuk Haji Zainal Abidin kali pertama ke Darul Quran selepas dilantik menjadi TKPPI sejak 2 Mei 2017. Sebelum ini beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Agenda utama program *walkabout* ini ialah perjumpaan pegawai dan kakitangan Darul Quran bersama TKPPI telah diadakan di Auditorium Darul Quran. Dalam perjumpaan ini, TKPPI telah diberikan taklimat oleh Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Haji Mohamad Rahim bin Mohammed Abdul Rahman berkenaan operasi Darul Quran seperti perjawatan yang belum diisi, kewangan, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Darul Quran, program-program pengajian yang sedang dijalankan, situasi pelaksanaan MQA terkini, peranan Darul Quran dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), program-program besar serta program pembangunan Darul Quran.

Datuk Haji Zainal Abidin turut menyampaikan ucapan seajurus selepas ucapan aluan Pengarah, Dr. Haji Nordin bin Ahmad. Dalam ucapannya, beliau telah memberikan gambaran secara umum berkenaan Jakim serta perkhidmatan awam. Para pegawai dan kakitangan Darul Quran juga turut diberi kesempatan untuk mengajukan persoalan-persoalan kepada Datuk TKPPI bagi menambahbaik perjalanan operasi Darul Quran.

Majlis berakhir selepas sesi penyampaian cederamata yang disampaikan oleh Pengarah kepada Datuk TKPPI. Pegawai-pegawai Darul Quran yang perlu berurusan secara langsung dengan Datuk TKPPI turut mengambil peluang ini bagi mendapatkan tandatangan Datuk untuk urusan surat-menyurat.





DARUL QURAN MENERUSKAN KECEMERLANGAN DI BUMI ANBIYA'

Seramai 82 orang pelajar lepasan Diploma Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Darul Quran Jakim telah menyambung pengajian ke Universiti Al-Azhar Mesir dalam jurusan Takhassus Qiraat di peringkat Ijazah Sarjana Muda di bawah pengurusan Hal Ehwal Pelajar Darul Quran Jakim dan Sekreteriat Menyambung Pengajian ke IPTA Dalam Negeri & Timur Tengah atau dikenali dengan nama SMUTEM.

Para pelajar ini telah diraikan dalam Majlis Meraikan Pelajar Ke Timur Tengah yang diadakan pada 5 Julai 2017 bertempat di Dewan Muktamar Darul Quran sebelum bertolak ke Kuala Lumpur International Airport (KLIA). Dalam ucapannya, Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar Darul Quran, Haji Kamarul Saman bin Yaacub telah menyatakan bahawa para pelajar yang akan berhijrah meninggalkan tanah air untuk menuntut ilmu di tempat orang adalah suatu amanah yang sangat besar. Justeru, para pelajar ini dinasihatkan agar sentiasa berusaha bersungguh-sungguh supaya suatu hari nanti mereka akan pulang menabur bakti dan budi untuk anak bangsa pada masa akan datang.

Ketua Pengarah Jakim, Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha juga turut meluangkan masa beramah mesra dengan ibu bapa serta pelajar di KLIA seterusnya menyampaikan amanat dan kata semangat kepada para pelajar sebelum berangkat ke Mesir. Beliau juga mengingatkan para pelajar agar sentiasa menjaga nama baik Darul Quran. Para pelajar diibaratkan sebagai duta kecil ke luar negara. Sekiranya baik tingkah laku dan pencapaian pelajar di sana, maka tempiasnya akan terpalit ke Darul Quran dan begitulah sebaliknya.

82 orang pelajar yang akan menyambung pengajian di Mesir ini telah diiringi oleh 3 orang pegawai Darul Quran diketuai oleh Pengarah Darul Quran sendiri, Dr. Haji Nordin bin Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar dan Penolong Pegawai Unit Pembangunan Dasar & Standard Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Haji Miswan bin Mahajar.





AHLI-AHLI LEMBAGA DARUL QURAN BERSIDANG KALI KE-32

Mesyuarat Lembaga Darul Quran kali ke-32 telah bersidang pada 19 Julai 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 8 Blok A, Kompleks Islam Putrajaya. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Dalam ucapan aluannya Tan Sri Dato' Pengerusi telah memaklumkan berkenaan perlantikan ahli Lembaga Darul Quran yang baru, antaranya Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar, yang menggantikan Haji Paimuzi bin Yahya yang telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Selain itu, Pengarah Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia, Dr. Haji Azhar bin Haji Ahmad yang menggantikan Hajah Norhayati binti Isa yang telah bersara pada 29 Jun 2017 dan Prof. Dr. Isarji bin Haji Sarudin selaku Timbalan Rektor (Akademik dan Perancangan) International Islamic University Malaysia (IIUM) yang menggantikan Prof. Dr. Torla bin Haji Hassan.

Tan Sri Dato' Pengerusi juga turut berkongsi maklumat berkaitan status penubuhan Institut al-Quran dan al-Hadith (IQH) yang mana pada dasarnya penubuhan IQH telah dipersetujui dalam Mesyuarat MAIWP pada 19 Jun 2017. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B). Oleh yang demikian, IQH akan diletakkan sebagai salah sebuah pusat pengajian di bawah *Pusrawi International College of Medical Sciences (PICOMS)* sehingga Universiti MAIWP ditubuhkan.

Mesyuarat Lembaga pada kali ini telah membincangkan berkenaan tiga kertas cadangan iaitu Kertas Cadangan Perakuan Keputusan Peperiksaan Semester Akhir Program Program Pensijilan Tahfiz al-Quran Jakim-IIUM, Kertas Cadangan Pencalonan Anugerah Kecemerlangan Sempena Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali Ke-26 Tahun 2017, dan Kertas Cadangan Pertukaran Proforma Kursus Aqidah PTU 1132 Program Pensijilan Tahfiz al-Quran Jakim-IIUM. Selain itu, terdapat tiga kertas makluman yang telah dibentangkan iaitu Kertas Makluman Implikasi Pelaksanaan MQA Di Darul Quran ke Atas Maahad Tahfiz al-Quran Negeri dan Institusi Yang Bekerjasama dengan Darul Quran, Kertas Makluman Istiadat Konvokesyen Darul Quran Kali Ke-26 dan Kertas Makluman Pelaksanaan Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan Kali Ke-6 Tahun 2017.

Ahli-ahli Lembaga Darul Quran yang hadir dalam mesyuarat pada kali ini ialah, Prof. Dr. Wan Kamal Mujani, Encik Masri bin Razali, Tuan Razali bin Ariffin, Prof. Madya Dr. Shamsul

Jamili bin Yeob, En. Hassan Nudin bin A. Hamid, Prof. Madya Dr. Adnan bin Mohamed Yusoff dan Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad selaku Setiausaha.





KUNJUNGAN KEDUA KPM KE DARUL QURAN JAKIM

Darul Quran telah menerima kunjungan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 20 Julai 2017. Lawatan ini merupakan kunjungan kedua dari pihak KPM kerana pada 30 Mac yang lalu, Darul Quran juga telah menerima kunjungan dari Lembaga Peperiksaan KPM yang diketuai oleh En. Izehari bin Basar yang menjalankan tugas Timbalan Pengarah (Pengurusan) bersama enam orang pegawai Lembaga Peperiksaan KPM.

Pada kunjungan kali ini, lima lagi bahagian dari KPM selain Lembaga Peperiksaan turut hadir bersama iaitu Bahagian Pendidikan Islam, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Timbalan Pengarah Pengurusan Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam telah bertindak, Encik Hassan Nudin bin A. Hamid telah bertindak selaku ketua delegasi.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah ialah sebagai penanda aras untuk melihat pelaksanaan pengurusan program Diploma Tahfiz Al-Quran bagi persediaan laluan pengajian untuk murid lepasan SPM yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di sekolah-sekolah agama KPM memandangkan calon-calon murid KBT bagi kohort yang pertama akan menduduki SPM pada 2018. Bagi mencapai tujuan tersebut, pihak KPM telah menyatakan hasrat untuk:

- i. memohon kuota pelajar KBT bagi mengambung pengajian dalam Program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran Jakim;
- ii. mengangkat Sijil Tahfiz KPM setaraf dengan Sijil Tahfiz Malaysia Darul Quran Jakim; dan
- iii. melibatkan pelajar KBT untuk mengambil sijil yang dianjurkan oleh Darul Quran Jakim.

Turut meraikan lawatan ini ialah Pengarah, Dr. Haji Nordin bin Ahmad, Timbalan Pengarah Akademik, Haji Mohd Norizan bin Abd Ghani, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Akademik serta pegawai-pegawai kanan Darul Quran. Pertemuan ini diakhiri dengan sesi penyampaian cenderamata dan sesi bergambar.







DATO' ASYRAF WAJDI MERASMIKAN IHTIFAL HUFFAZ PERINGKAT KEBANGSAAN 2017 DAN EKSPLO KONVOKESYEN DARUL QURAN

Buat julung-julung kalinya, Darul Quran Jakim telah menganjurkan Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan yang diadakan serentak bersama eksplo sempena Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali Ke-26. Program ini telah diadakan selama lima hari bermula dari 1 hingga 5 Ogos 2017 bertempat di kompleks Darul Quran Jakim, Kuala Kubu Bharu dan tempat-tempat sukan sekitar Kuala Kubu Bharu.

Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan 2017 Dan Eksplo sempena Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali Ke-26 telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki. Beliau yang dalam ucapannya telah menekankan berkenaan sasaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara untuk melahirkan 125,000 huffaz profesional menjelang 2050 sebagai salah satu agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50). Huffaz profesional yang dimaksudkan bukan sekadar berkeupayaan menghafaz al-Quran tetapi menguasai pelbagai disiplin ilmu dan cabang kemahiran yang bermanfaat untuk memacu negara menjadi sebuah negara yang cemerlang beracuan Quranik.

Sebanyak 11 buah Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) selain Darul Quran yang mengambil bahagian dalam Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan 2017 iaitu Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Perlis, Institut al-Quran Darul Aman (IQDAR), Kedah, Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Perak, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat ADDIN Perak, Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN), Maahad Tahfiz al-Quran Masjid Sayyidina Ali, Melaka, Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang, Institut Pengajian Islam Terengganu (INSPI), Institut al-Quran Terengganu (IQT), Maahad Tahfiz al-Quran, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Sabah.

Sebanyak 26 acara akan dipertandingkan dalam kejohanan kali ini yang meliputi acara-acara ilmiah atau *ihthifal ilmi* dan acara sukan. Antara acara yang dipertandingkan bagi kategori *ihthifal ilmi* atau acara ilmiah adalah seperti Tilawah al-Quran Berqiraat, Hafazan al-Quran, Debat Ala Parlimen Bahasa Melayu, Debat Ala Parlimen Bahasa Inggeris dan Debat Ala Parlimen Bahasa Arab, Pidato Bahasa Melayu, Pidato Bahasa Inggeris, Pidato Bahasa Arab

serta Nasyid. Bagi kategori acara sukan pula, acara-acara yang dipertandingkan adalah seperti bola sepak, bola jaring, sepak takraw, badminton, bola tampar, ping pong dan futsal.

Selain acara-acara yang dipertandingkan dalam Ihtifal Huffaz, terdapat juga pelbagai acara menarik yang telah dirancang bagi memeriahkan lagi ekspo konvokesyen pada tahun ini seperti gerai-gerai pameran serta jualan, program Lailatul Quran, aktiviti berkayak, memanah dan sebagainya.

YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi turut mengambil kesempatan bersalam-salaman dengan 12 wakil kontinjen yang bertanding dalam kejohanan pada tahun ini seterusnya melawat tapak ekspo selepas majlis perasmian. Turut hadir dalam majlis perasmian ini ialah Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar yang mewakili Tan Sri Dato' Ketua Pengarah Jakim.







ISTIADAT KONVOKESYEN DARUL QURAN KALI KE-26 DIRASMIKAN OLEH DATO' ASYRAF WAJDI

Seramai 615 orang graduan dari semua program pengajian yang ditawarkan di Darul Quran telah bergraduasi dalam sidang yang berlangsung pada 5 Ogos 2017. Majlis yang berlangsung penuh gilang-gemilang itu telah diadakan di Dewan Mukhtar Darul Quran Jakim, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Majlis Istiadat Konvokesyen Kali Ke-26 ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki. YB Dato' juga turut sudi menyampaikan penganugerahan dalam sidang yang pertama kepada enam kategori iaitu:

- | | |
|--|---|
| i. Anugerah Kecemerlangan Institusi | : Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang |
| ii. Anugerah Khas | : Ahmad Danial bin Mohd Sani
: Nur Amirah binti Azali
: Ahmad Zahiruddin bin Zailani |
| iii. Anugerah Kecemerlangan Hafazan al-Quran | : Amir Hambali bin Amir Hamzah
: Nurul Amirah binti Mohd Azman |
| iv. Anugerah Pengerusi Lembaga Darul Quran | : Asma binti Muhammad Zakaria
: Maisarah binti Omar
: Mohammad Izzuddin bin Nan
: Muhammad Fikri Nazim bin Nurul Huda
: Nur Azizah binti Salam Indra
: Zuhaili binti Kamarudin |
| v. Anugerah Menteri di Jabatan Perdana Menteri | : Nur Izzati binti Fadzli
: Hazmi Hisyam bin Zakaria
: Nurul Husna binti Zainal Abidin
: Suhaimi bin Hasyim
: Fathiah binti Ahmad Fuad
: Muhammad Asymam bin Mohd Azmi |
| vi. Anugerah Perdana Menteri | : Muhammad Syarifulhuda bin Mohd Azeri
: Nor Karimah binti Marwan |

Lain-lain sijil dan Diploma telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Jakim, Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha dalam sidang yang kedua. Berikut merupakan pecahan bilangan graduan berdasarkan program pengajian yang dijalankan di Darul Quran:

- i. 436 orang graduan Program Diploma Tahfiz al-Quran;
- ii. 86 orang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM;
- iii. 36 orang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-UNITEN;
- iv. 34 orang penerima Sijil Tamat Pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ;
- v. Tiga orang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran OKUMP (Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan); dan
- vi. 20 orang graduan Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Pengurusan Masjid.

Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali Ke-26 juga merupakan majlis istiadat kali pertama bagi Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Pengurusan Masjid Tahap 3 dengan 20 orang graduan Program SKM yang akan bergraduasi ini merupakan perintis serta perantis kohort yang pertama program ini. Selain itu, Darul Quran turut mengambil kesempatan dalam majlis istiadat ini untuk menyampaikan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) kepada 33 orang penerima STM Pangkat Mumtaz bagi calon yang menduduki ujian pada tahun 2016 dan 2017.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Naib Canselor UNITEN, Dato' Prof. Ir. Dr. Kamal Nasharuddin bin Mustapha, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Encik Nidzam bin Kamarulzaman, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Agama Negara Brunei Darussalam, Dato' Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharajalela Haji Yusof, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan Jakim, Encik Masri bin Razali, Ahli-Ahli Lembaga Darul Quran, Ahli-Ahli Jawatankuasa Penasihat Akademik Darul Quran dan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN).





MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KURSUS PENSIJILAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN PENSYARAH DARUL QURAN

Seramai 18 orang pensyarah Darul Quran Jakim dan Maahad-Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) telah dianugerahkan sijil Kursus Pensijilan Pembelajaran Dan Pengajaran Pensyarah Darul Quran yang telah dianjurkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Majlis ini telah diadakan pada 18 Ogos 2017 bertempat di Dewan Sri Tanjung, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim.

Kursus yang telah dilaksanakan pada 10-25 Oktober 2016 ini melibatkan beberapa komponen pemarkahan seperti komitmen kelas, kerja kursus individu, kerja kursus berkumpulan dan dua sesi pencerapan. Segala keputusan pemarkahan pula akan dinilai dalam Mesyuarat Perbentangan Laporan Kursus Pensijilan Pembelajaran Dan Pengajaran Pensyarah Darul Quran yang dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad sebelum para peserta kursus disahkan layak menerima sijil.

Penyerahan sijil-sijil penyertaan ini telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UPSI, Profesor Dr. Mohd Sahandri Gani bin Hamzah. Turut hadir dalam majlis ini ialah Ketua Pengarah Jakim, Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar, Pengarah Pusat Pembangunan Akademik UPSI, Profesor Madya Dr. Syakirah Binti Samsudin, pegawai-pegawai kanan serta para pensyarah dari Darul Quran dan UPSI. Profesor Dr. Mohd Sahandri Gani turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Ustaz Mohd Aishamudin bin Samsungei yang telah dinobatkan sebagai peserta terbaik kursus.

Berikut merupakan nama-nama peserta Kursus Pensijilan Pembelajaran Dan Pengajaran Pensyarah Darul Quran 2016:

- i. Ustaz Othman bin Muda – Pensyarah Darul Quran Jakim
- ii. Ustaz Mohd Abdul Rauf bin Sidek – Pensyarah Darul Quran Jakim
- iii. Ustaz Ahmad Fuat bin Jamil – Pensyarah Darul Quran Jakim
- iv. Ustaz Mohammad Zaki bin Ibrahim – Pensyarah Darul Quran Jakim
- v. Ustaz Mohd Najib bin Abdul Ghapar – Pensyarah Darul Quran Jakim
- vi. Ustaz Ahmad Dasuki bin Hashim – Pensyarah Darul Quran Jakim
- vii. Ustaz Khairul Anuwar bin Mustaffa – Pensyarah Darul Quran Jakim
- viii. Ustaz Mohd Lutfi bin Jamel – Pensyarah Darul Quran Jakim
- ix. Ustaz Muhammad Zaki bin Ab Rahman – Pensyarah Darul Quran Jakim
- x. Ustaz Muhammad Saoki Dalor bin Abdul Rahman – Pensyarah Darul Quran Jakim

- xi. Ustaz Ikmal Shukri bin Zulkifli – Pensyarah Darul Quran Jakim
- xii. Ustaz Mohd Aishamudin bin Samsungei – Pensyarah Darul Quran Jakim
- xiii. Ustaz Raja Zulfadhli bin Raja Musa – Pensyarah Maahad Tahfiz al-Quran ADDIN
- xiv. Ustaz Mohamad Firdaus bin Mohamad Tarmizi - Pensyarah MTQN Perak
- xv. Ustaz Suhaidi bin Kuanting – Pensyarah Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sabah (ITQAS)
- xvi. Ustaz Zukhilatiff bin Marzukhi – Pensyarah Institut al-Quran Darul Aman (IQDAR)
- xvii. Ustaz Syed Azri bin Syed Azmi – Pensyarah MTQN Pahang
- xviii. Ustaz Asmazawawi bin Mohamed – MTQN Majlis Agama Islam Kelantan.







35 GRADUAN DIPLOMA DARUL QURAN MENDAFTAR PROGRAM IJAZAH USIM-DQ

Darul Quran telah menerima seramai 35 orang mahasiswa baru bagi mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Quran & Sunnah Dengan Keahlian USIM di Darul Quran bagi sesi akademik 2017-2020. Pengambilan pada sesi kali ini melibatkan 16 orang siswa dan 19 orang siswi dalam kalangan graduan Diploma Darul Quran Jakim yang baru berkonvokesyen pada 5 Ogos 2017. Kesemua siswa siswi ini telah diraikan pada Majlis Sambutan Mahasiswa Baru Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ Sesi Akademik 2017/2018 pada 11 September 2017 dan majlis ini telah dirasmikan oleh Pendaftar Darul Quran, Hajah Azizah binti Che Hassan.

Dalam ucapan perasmianya, Hajah Azizah telah mengucapkan tahniah kepada semua mahasiswa yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Quran dan Sunnah dengan kerjasama Darul Quran bersama USIM. Beliau turut menggesa kepada siswa siswi baru agar memberi sepenuh komitmen sepanjang pengajian di Darul Quran di samping terus konsisten dalam mengekalkan hafazan.

Program kerjasama antara USIM dan Darul Quran ini telah dilaksanakan bermula pada tahun 2009 dan enam kohort telah pun bergraduasi sejak program ini diperkenalkan. Pelajar-pelajar yang diterima untuk mengikuti program ini mestilah terdiri daripada bekas graduan Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat sama ada belajar di kampus Darul Quran Kuala Kubu Bharu mahupun di Maahad-Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri. Ketika ini, seramai 206 orang graduan telah dihasilkan melalui program ini.

Majlis diakhiri dengan bacaan ikrar yang dilafazkan oleh siswa siswi baru yang diketuai oleh saudara Mohammad Sayuti Bin Idris seterusnya jamuan makan. Para siswa siswi baru ini akan mengikuti program Transformasi Kecemerlangan Minda (TRANSKEM) yang akan dijalankan bermula 11 hingga 13 September 2017.





MAHASISWA USIM-DQ MENABUR BAKTI MERENTASI SEMPADAN ANTARABANGSA DI BUMI POLAND

Seramai 21 orang mahasiswa Semester Dua Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian al-Quran & Sunnah USIM-Darul Quran dengan kerjasama Muslim Care dan Pusat Belia Antarabangsa (IYC) telah berjaya mengadakan program khidmat masyarakat bersifat antarabangsa iaitu Global Islamic Student Outreach (GISO) di Warsaw Poland pada 24 Ogos 2017 hingga 2 September 2017. Para peserta ini telah diiringi oleh tiga orang pegawai pengiring dari Darul Quran terdiri daripada Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar (HEP), Ustaz Haji Kamarul Saman bin Yaacob, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pengajian Akademik, Ustazah Kasumawati binti Kassim dan Penolong Pengarah Kanan Unit Kemahiran Insaniah HEP, Ustaz Ahmad Dasuki bin Hashim. Turut serta dalam program ini ialah wakil dari Muslim Care iaitu Tuan Haji Zakaria bin Abd Latif dan wakil dari IYC ialah Puan Ismazira binti Che Ismail serta Pn Sanawiyah binti Zainal Arifin.

Antara aktiviti yang telah dijalankan di Poland ialah pengagihan pek makanan halal kepada semua pelarian umat Islam di Warsaw, Skalnicowa, Gdansk, Lomza, Bialystok dan Targuvek. Di samping itu, turut diadakan perbincangan hala tuju Islam di Poland, penyerahan al-Quran wakaf kepada wakil komuniti minoriti Islam di Pusat Kebudayaan Islam (Centre of Islamic Culture) di Krakow dan Pusat Kebudayaan Islam Blue City (Masjid Blue City) di Warsaw. Para peserta program ini juga telah mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan bangunan Pusat Komuniti Islam Muslim Care yang baru dibeli oleh pihak Muslim Care Malaysia.

Bertepatan tanggal 31 Ogos, dengan semangat patriotik kenegaraan yang didukung oleh mahasiswa USIM-DQ, para peserta telah menyambut hari kemerdekaan Malaysia bersama kakitangan kedutaan dan pelajar Malaysia di Poland di kediaman TYT Duta Besar Malaysia, Dato' Ahmad Fadil bin Shamsuddin. Para peserta GISO ini juga telah menyambut dan bersolat Hari Raya Aidiladha di Masjid Wilanow bersama komuniti Islam di sana. Pada hari raya kedua, para peserta telah berjaya mengendalikan ibadah korban dan jamuan hari raya dengan kerjasama NGO Islam Sakinah Europe Foundation serta Muslim Care Malaysia. Sebanyak 27 ekor kambing biri-biri telah dikorban dan diagihkan kepada masyarakat minoriti Islam sekitar Warsaw.

Pihak pengurusan Darul Quran dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengharapkan agar para peserta GISO dapat memanfaatkan pengalaman yang ditimba sewaktu di Poland untuk dikongsi bersama rakan-rakan dan masyarakat Islam khususnya di Malaysia.





OKTOBER 2017

**PELAJAR-PELAJAR DQ & MTQN SERTA BAKTI HUFFAZ KEBANGSAAN KALI KE-
2/2017**

Darul Quran Jakim dengan kerjasama Institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR) dan Persatuan Kebajikan Maahad Tahfiz (PERKEMAT DQ) telah menganjurkan program Bakti Huffaz bertempat di Pulau Dayang Bunting, Langkawi bermula pada 24 hingga 28 Oktober 2017. Perasmian program tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Dato' Azmi bin Che Husain yang mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kedah. Sementara ucapan aluan telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jakim, Encik Masri bin Razali yang mewakili Tan Sri Dato' Ketua Pengarah Jakim. Turut hadir dalam majlis ini ialah Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Islam Negeri Kedah, Dr. Fadzil bin Abdul Kadir. Majlis perasmian tersebut telah diserikan dengan bacaan al-Quran oleh bekas Qariah Kebangsaan, Ustazah Sharifah Khasif binti Syed Badiuzzaman Al-Yahya.

Program ini telah disertai seramai 98 orang pelajar daripada 12 buah Maahad Tahfiz al-Quran Negeri termasuk Darul Quran. Program yang bertemakan "Huffaz Berbakti Membina Masyarakat Harmoni" ini telah mensasarkan beberapa objektif iaitu untuk menjalinkan hubungan antara para huffaz dan masyarakat luar, dapat memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai asimilasi masyarakat selain memperkenalkan dan mempromosikan Darul Quran kepada penduduk tempatan khususnya masyarakat di pulau tersebut.

Program yang berlangsung selama lima hari empat malam ini telah diisi dengan pelbagai aktiviti-aktiviti menarik yang telah dirancang bersama barisan urus setia program pelajar dari Darul Quran dan IQDAR. Antaranya ialah program anak angkat, ceramah agama dikendalikan oleh para pegawai dan peserta, kelas fiqh ibadah untuk lelaki dan wanita, mengadakan program tahsin bacaan al-Fatihah bersama masyarakat, aktiviti halaqah al-Quran bersama keluarga angkat, program *smart* solat dan motivasi di sekolah-sekolah rendah dan menengah, acara Sukan Rakyat, pertandingan azan dan pertandingan gubahan yang dijalankan di Masjid Al-Falah. Selain itu, para peserta program turut mengambil kesempatan untuk mengadakan persembahan nasyid dan qasidah pada Malam Kesenian Islam.

Bakti Huffaz Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2/2017 telah melabuhkan tirainya dengan Majlis Penutupan yang diadakan pada 28 Oktober 2017. Majlis Penutupan ini telah diserikan dengan Majlis Khatam al-Quran yang dipimpin oleh wakil-wakil pelajar dari MTQN dan diakhiri dengan ucapan penutup oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad.





MAJLIS PERASMIAN KURSUS PENSIJILAN P&P PENSYARAH DARUL QURAN

“Kerajaan mengharapkan melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang diperkenalkan, huffaz yang bakal dilahirkan kelak mampu menggabungkan komponen ilmu hafazan al-Quran dengan ilmu-ilmu yang lain, yang mengintegrasikan antara ilmu aqli dan naqli. Matlamatnya, agar wujud pengintegrasian antara komponen fikir-zikir, di samping wujudnya keseimbangan antara teks dan konteks atau hafalan dan kefahaman agama ke arah merealisasikan kesejahteraan duniawi serta ukhrawi.”

“Justeru, bagi mencapai maksud dan tujuan tersebut, para pensyarah harus diberi pendedahan tentang peranan sebenar pensyarah, dalam mendepani bidang pendidikan tinggi masa kini, serta melengkapkan diri dengan ilmu pedagogi yang lebih prihatin kepada ciri-ciri pelajar masa kini, agar proses pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan dengan lebih berkesan dan mengikut standard sistem pengajian tinggi.”

Demikian antara isi ucapan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Datuk Zainal Abidin bin Jaffar ketika merasmikan Kursus Pensijilan Pengajaran & Pembelajaran Pensyarah Darul Quran yang bermula pada 9-21 Oktober 2017. Kursus selama 10 hari ini telah diadakan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi dan disertai oleh 28 orang pensyarah dari Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN).

Kursus ini dijalankan berdasarkan tiga peringkat iaitu kursus bersemuka yang diadakan selama 10 hari yang melibatkan beberapa modul, tugas individu atau kumpulan yang akan dilakukan oleh peserta kursus dan diserahkan semula kepada pihak urusetia 1 bulan dari tarikh soalan tugas diberikan dan pencerapan pengajaran ke atas peserta kursus yang akan dilakukan sebanyak dua kali oleh pensyarah berpengalaman dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Turut hadir dalam majlis ini ialah Pengarah ILIM, Hajah Zaiton binti Abdul Rahman, Pendaftar Darul Quran, Hajah Azizah binti Che Hassan yang mewakili Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Haji Mohd Norizan bin Abd Ghani dan Pengarah Pusat Pembangunan Akademik UPSI, Prof. Madya Dr. Syakirah binti Samsudin.





**DARUL QURAN DIPERTANGGUNGJAWABKAN SEBAGAI KETUA JAWATANKUASA
TINDAKAN BAGI TERAS 5 DPTN**

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) merupakan satu agenda kerajaan dalam memartabatkan bidang pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia. Pada 20 Mac 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, ketika perasmian Majlis Himpunan 20,000 Huffaz dan perasmian Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan (PINTA Kebangsaan) telah mengumumkan bahawa kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sedang merangka Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) bagi memperkasakan institusi pendidikan tahfiz al-Quran di negara ini dan YAB Perdana Menteri sendiri akan memberi perhatian secara peribadi kepada pembentukan dan pelaksanaan DPTN ini.

Jakim telah mengambil tanggungjawab ini dengan menyusun strategik serta menubuhkan beberapa Jawatankuasa bagi merealisasikan hasrat ini. Pada 7 Februari 2017, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Pengarah Jakim telah memutuskan bahawa Darul Quran bertanggungjawab sebagai Ketua Jawatankuasa Tindakan bagi Teras 5 yang berperanan penting dalam usaha mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi semua institusi tahfiz di negara ini.

Bagi merealisasikan tanggungjawab yang diamanahkan ini, Darul Quran telah mengadakan Persidangan Cadangan Mewujudkan Badan Khusus Bagi Mengawal Tahap Profesional Huffaz di bawah Dasar Pendidikan Tahfiz Negara pada 12-13 Oktober 2017 bertempat di Masjid Putra, Putrajaya. Kehadiran ahli persidangan melebihi 30 orang yang terdiri daripada kakitangan kerajaan dan badan berkanun, ahli akademik, wakil institusi tahfiz negeri serta pihak yang berkepentingan dalam bidang tahfiz.

Susulan daripada persidangan tersebut, Darul Quran telah mengadakan Mesyuarat Teknikal Cadangan Mewujudkan Badan Khusus Bagi Menilai dan Mengawal Tahap Hafiz Malaysia di Bawah Teras 5 (Pengiktirafan) Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. Mesyuarat tersebut telah diadakan 1-3 November 2017 bertempat di Masjid Putra, Putrajaya. Keahlian mesyuarat ini sebagaimana keahlian persidangan dan ditambah dengan wakil daripada Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam setiap negeri.

Antara rumusan daripada persidangan dan mesyuarat tersebut ialah:

- i. Penubuhan Badan Khusus iaitu Majlis Tahfiz Negara (MTN) yang fungsinya untuk membangun, menyelaraskan dan menyediakan standard pengiktirafan kepada huffaz di Malaysia secara lebih strategik, efektif dan holistik.
- ii. MTN akan mengesahkan laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Tahfiz Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jakim dan dianggotai oleh Jabatan Agama Islam Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian Jakim dan Kementerian-Kementerian yang terlibat serta perwakilan dari Lajnah Syuyukh, ahli akademik dan Lujnah Mudara'.
- iii. Umumnya semua badan ini hanya bersifat pentadbiran dan bagi penguatkuasaan akan diserahkan di bawah tanggungjawab negeri-negeri.
- iv. MTN akan menyediakan standard serta garis panduan berkaitan Kurikulum, Etika Huffaz, Perujian Dan Penilaian serta perkara-perkara yang berkaitan dengan pengiktirafan institusi dan huffaz
- v. MTN akan bertanggungjawab terhadap 4 aspek iaitu dalam konteks institusi dan tadbir urus, pengiktirafan huffaz, penilaian dan pensijilan dan kurikulum tahfiz.

Usaha ini dijangka akan direalisasikan secara keseluruhannya menjelang tahun 2020. Semoga hasrat ini dapat dilaksanakan kerana ia merupakan asas penting sebagai landasan jangka panjang dalam mewujudkan satu sistem pendidikan tahfiz yang berkualiti dan seterusnya mampu melahirkan modal insan dan generasi al-Quran yang mempunyai masa depan yang cerah dan berkeyakinan.





SAHABAT YADIM DARUL QURAN MENERIMA ANUGERAH DALAM KONVENSYEN KEBANGSAAN SAHABAT YADIM 2017

Sahabat Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Darul Quran buat pertama kalinya telah menyertai Konvensyen Kebangsaan Sahabat Yadim 2017 yang diadakan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Konvensyen yang diadakan pada 25 November 2017 ini telah mengumpulkan beberapa universiti dari semua peringkat zon. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato' Dr. Ashraf Wajdi bin Dato' Dusuki turut hadir serta telah merasmikan konvensyen tersebut. Turut hadir ialah Yang Dipertua YADIM, Dr. Yusri Mohammad, Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar dan Encik Zamani bin Mohd Karulani selaku Pengurus Eksekutif KEMUDA. Konvensyen ini diadakan bertujuan bagi mengumumkan pembubaran barisan pimpinan peringkat kebangsaan sesi 16/17 dan seterusnya meraikan peralihan baru Majlis Pimpinan Kebangsaan sesi 17/18.

Persidangan Agung Tahunan Majlis Pimpinan Kebangsaan Sahabat YADIM 16/17 telah dimulakan dengan bacaan doa oleh wakil pelajar dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Laporan prestasi telah dibentangkan oleh setiap pimpinan Majlis Tertinggi serta diselangi dengan sesi soal jawab. Seterusnya, penyampaian sijil wafat peralihan Majlis Pimpinan Kebangsaan (MPK) dan Majlis Pimpinan Negeri (MPN) 17/18 dijalankan dengan jayanya sehingga tiba bagi sesi penyampaian cenderamata.

Biarpun baru ditubuhkan Sahabat YADIM Darul Quran, majlis pimpinan Sahabat YADIM Darul Quran telah dianugerahkan "Tokoh Unit Ekonomi" dalam sesi penyampaian Anugerah Tokoh Sahabat Yadim 2017. Di samping itu, saudara Muhammad Al Fateh bin Mohd Subari juga telah dilantik sebagai wakil Majlis Dakwah & Tarbiyah Majlis Pimpinan Kebangsaan sesi 17/18. Semoga Sahabat YADIM Darul Quran terus maju dalam membantu YADIM mencapai misi "melaksana dan menyelaraskan aktiviti dakwah merentasi ideologi dan metodologi."

DISEMBER 2017

**UTUSAN MALAYSIA BEKERJASAMA DENGAN DARUL QURAN MENGANJURKAN
KEM REMAJA TUTOR GENERASI AL-QURAN 2017**

Unit Pendidikan Utusan Malaysia dengan kerjasama Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) buat julung kalinya telah menganjurkan Kem Remaja Tutor Generasi Al-Quran di Kuala Kubu Bharu, Selangor dari 20 hingga 23 Disember. Pengarah Darul Quran Jakim, Dr. Haji Nordin bin Ahmad berkata, kem ini bertujuan memberi kefahaman kepada peserta mengenai al-Quran, sirah dan perjuangan sahabat Rasulullah di samping memperkenalkan persekitaran kehidupan pelajar tahfiz di Darul Quran.

Sepanjang kem berlangsung, peserta telah menjalani modul harian yang khusus untuk meningkatkan kemahiran dan kualiti bacaan serta hafazan al-Quran mereka. Bagi memastikan kem ini benar-benar berkesan, Team Kaunseling Darul Quran telah membangunkan modul khusus program menerusi saranan Ustaz Haji Salahuddin bin Ghozali selaku Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz Darul Quran.

Antara pengisian kem ini termasuklah teknik hafazan berkesan yang dikenali sebagai V.A.R.K, tasmi' hafazan, Quran Oasis dan Khatam al-Quran. Di samping itu, para peserta juga akan mengikuti pelbagai aktiviti riadah, sesi suai kenal, menonton video dan praktikal solat fardhu. Setiap peserta diberikan buku log yang mencatatkan aktiviti bacaan al-Quran, solat dan qiamullail yang diamalkan bermula di Darul Quran dan seterusnya bersambung di rumah selepas tamat kem.

Kem ini telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran sendiri dan turut dihadiri oleh Pengurus Unit Pendidikan Utusan Malaysia, En. Wahid Hashim. Seramai 20 peserta terdiri dari 16 orang lelaki dan empat orang perempuan berusia 9 hingga 12 tahun telah menyertai program perintis ini dengan digerakkan oleh 32 orang tenaga kerja serta fasilitator yang terdiri dalam kalangan pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Darul Quran Jakim.

Sementara itu, menurut Dr. Haji Nordin, pihaknya menghargai inisiatif pihak Utusan Malaysia dalam menjayakan penganjuran Kem Remaja Generasi Al-Quran bagi memartabatkan penguasaan bidang al-Quran dalam kalangan generasi muda hari ini. Menurutnya, usaha tersebut penting dilakukan secara berterusan oleh semua pihak dan tidak semata-mata institusi agama demi memastikan matlamat memperkasakan bidang al-Quran mencapai

objektifnya. "Atas sebab itu, kita mahu ibu bapa juga memainkan peranan mereka menjayakan matlamat ini dan bagi tujuan itu, kita mengedarkan buku log kepada setiap peserta bagi membolehkan aktiviti yang dijalankan di kem turut diamalkan di rumah," katanya.



